



# LAPORAN TAHUNAN 2017



# KANDUNGAN CONTENT



## 01

### PERUTUSAN KETUA PENGARAH

#### FOREWORD

1

## 02

### PROFIL KORPORAT CORPORATE PROFILE

7

Visi/ Misi/ Moto  
*Vision/Mission/Motto*

8

Peranan  
*Roles*

9

Teras Strategik  
*Strategic Thrusts*

10

Nilai-nilai Bersama  
*Shared Values*

10

Punca Kuasa/Pihak  
Berkepentingan/Pelanggan  
*Sources of Authority/  
Stakeholders/Customers*

12

Sejarah Penubuhan MAMPU  
*The Formation of MAMPU*

13

Lakaran Kecemerlangan  
MAMPU  
*MAMPU Walls of Fame*

14

## 03

### PROFIL KEPIMPINAN LEADERSHIP PROFILE

17

Pengurusan Tertinggi  
*Top Management*

18

Sektor Pengurusan  
*Management Sector*

19

Sektor Transformasi dan  
Pemodenan Pengurusan  
*Management Transformation  
and Modernisation Sector*

20

Sektor Teknologi Maklumat dan  
Komunikasi  
*Information and  
Communication Technology  
Sector*

21

Pasukan Perunding ICT Sektor  
Awam  
*Public Sector ICT Consultancy  
Team*

22

Carta Organisasi  
*Organisation Chart*

23

Fungsi Bahagian  
*Functions of Divisions*

24

## 04

### MEMPELOPORI GAPURA KONSULTAN PENGURUSAN TERSOHOR

#### PIONEERING THE STATUS OF LEADING MANAGEMENT CONSULTANT

37

Program Utama  
*Main Programmes*

38

Jalinan Kerjasama  
*Result Through Partnership*

49

Khidmat Perundingan  
*Consultancy Services*

53



# 05

MEMPERHEBAT AGENDA  
PENDIGITALAN KERAJAAN

*EMPOWERING THE  
GOVERNMENT'S  
DIGITALISATION AGENDA*

57

# 06

MENGANGKASA  
KECEMERLANGAN  
MENERUSI PENGIKTIRAFAN

*UPLIFTING EXCELLENCE  
THROUGH RECOGNITION*

77

# 07

MENYERLAH LAKARAN  
PERSONA MAMPU

*ILLUMINATING THE  
PERSONA OF MAMPU*

81

MAMPU Bersama Media  
*MAMPU With The Media*

82

Wawancara  
*Interviews*

83

Pameran  
*Exhibitions*

84

MAMPU di Media Cetak  
*MAMPU in Media*

89

Keratan Akhbar  
*Newspaper Cuttings*

94

MAMPU di Persada Global  
Dunia

*MAMPU Going Global*

106

# 08

MENYEMARAK  
KEHARMONIAN  
ORGANISASI

*CULTIVATING  
ORGANISATIONAL  
HARMONY*

119

Kelab Sukan dan Kebajikan  
MAMPU

*MAMPU Sports and Welfare  
Club*

120

PUSPANITA Cawangan Kecil  
MAMPU

*PUSPANITA MAMPU  
Sub-Branch*

130

Sorotan Lensa  
*At A Glance*

137



PERUTUSAN  
FOREWORD

“ Seiring dengan matlamat untuk mentransformasi penyampaian perkhidmatan digital kerajaan, MAMPU sebagai sebuah agensi pusat sentiasa menjadi organisasi pendahulu yang merevolusi fungsi dan peranannya. Ia dapat dilihat melalui lima (5) Fokus Strategik Gagasan Retrofit MAMPU iaitu Memperhebat Agenda Pendigitalan Kerajaan, Menyerlah Lakaran Persona MAMPU, Mempelopori Gapura Konsultan Pengurusan Tersohor, Mengangkasa Kecemerlangan Menerusi Pengiktirafan dan Menyemarak Keharmonian Organisasi.

*In line with the goal to transform government's digital service delivery, MAMPU as a central agency has always been the leading organisation that revolutionizes its functions and roles. This can be seen through the five (5) Strategic Focus of MAMPU's Retrofit Ideas, namely; Empowering the Government's Digitalisation Agenda, Illuminating the Persona of MAMPU, Pioneering the Status of Leading Management Consultant, Uplifting Excellence Through Recognition and Cultivating Organisational Harmony.*

”



# PERUTUSAN KETUA PENGARAH

## FOREWORD

---

### **DATO' DR. MAZLAN YUSOFF**

Ketua Pengarah MAMPU  
*Director-General of MAMPU*

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Momen indah yang terpahat sepanjang tahun 2017 dilalui dengan penuh rasa kesyukuran ke hadirat Illahi kerana menerajui transformasi dalam perkhidmatan awam, sudah tentu ia menjadi penanda aras untuk kita terus melakar kejayaan demi kejayaan. Kanvas kejayaan yang menjadi titik tolak kecemerlangan bukanlah sesuatu yang mudah untuk diterjemahkan tanpa komitmen dan pengemblem tenaga warga MAMPU yang merupakan aset utama organisasi.

Perubahan era yang berlaku dalam masyarakat dunia dari konvensional kepada digital sedikit sebanyak memberi impak kepada masyarakat di Malaysia. Namun penerimaan dan metodologi bagaimana lonjakan digital itu hendak dicerna sebagai sebahagian dari cabaran mendatang memerlukan pertimbangan yang bijak dan berhemah. Ironinya, ekonomi digital telah dikenalpasti sebagai salah satu enjin pertumbuhan yang dapat mengukuhkan ekonomi negara. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan pada tahun 2016, ekonomi digital telah menyumbang sebanyak 18.2% kepada KDNK Negara dan peratusan ini dijangka akan mencapai sasaran melebihi 20% sebelum tahun 2020. Secara realitinya, ia bukanlah satu retorik atau satira yang harus dipandang remeh tetapi sebaliknya ia merupakan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dan sebagai pendukung gagasan kita perlu memenuhi aspirasi tersebut dalam usaha merakyatkan ekonomi digital.

Dasar Digital Negara (MDP) adalah suatu kerangka rumusan yang menjadi asas utama pembangunan ekonomi digital negara dalam merealisasikan hasrat Malaysia untuk muncul antara 20 negara kuasa ekonomi dunia. Menjadi satu impian untuk melihat Malaysia tersenarai sebagai salah sebuah negara maju menjelang 2020 dan inisiatif kerajaan melalui ekonomi digital dijangka mampu menempatkan diri sebaris dengan negara maju yang lain.

*2017 had been a truly blessed and memorable year for MAMPU as a pioneer in public service transformation. The success that MAMPU achieved today would not be materialised without the continuous commitment and support from the MAMPU staff members who are the main assets of the organisation.*

*The rapid changes in today's world from conventional to digitalisation somehow gives impact to the community. Today's community needs to be smart in accepting these digital changes as part of their life challenges. Ironically, digital economy had been identified as one of the growth engines that can boost the country's economy. Based on the statistics released by the Department of Statistics in 2016, digital economy contributed 18.2% to the country's Gross Domestic Product (GDP) and this percentage is expected to reach its target of more than 20% before 2020. In reality, this is not a rhetoric or satire to be underestimated but instead, it is our responsibility as supporters of digitalisation to fulfill such aspirations in the pursuit of digital economy.*

*Malaysia Digital Policy (MDP) is the primary basis of the country's digital economy development in realising Malaysia's aspiration of becoming one of the 20 most powerful economic countries in the world. It is every citizen's dream to see Malaysia listed as one of the most developed countries by 2020, thus the government's initiatives through the digital economy are expected to enable Malaysia to emerge on top in line with other developed countries.*

---

Kemunculan gelombang teknologi baharu yang dikenali sebagai *The Fourth Industrial Revolution* iaitu Revolusi Perindustrian Keempat atau IR 4.0 dan era Digital Economy atau Ekonomi Digital yang menyebabkan kerajaan terus berusaha dalam menjayakan Dasar Digital Malaysia. Sememangnya, IR 4.0 ini berlaku melalui tiga ciri utama iaitu *velocity* atau kelajuan, *breadth and depth* atau keluasan dan kedalaman serta *systems impact* atau impak menyeluruh. Ini menyebabkan dunia pada masa hadapan akan dipenuhi dengan fenomena-fenomena yang tidak pernah tergambar oleh fikiran seperti *autonomous car*, *quantum computing* dan *artificial intelligence*.

Fenomena IoT (Internet of Things) pula telah mengubah senario masyarakat yang dahulunya bersikap konvensional kepada gaya hidup yang inovatif, moden, digital serta lebih maju ke hadapan dengan mengaplikasikan teknologi digital dalam kehidupan seharian. Kesemuanya ini menuntut keupayaan perkhidmatan awam dalam memberi respon segera kepada pelbagai teknologi yang mengacau-ganggu, atau bersifat disruptif ini dan bersedia dengan pelbagai pendekatan yang lebih segar lagi *multi-dimensional* serta kombinasi *top-down* dan *bottom-up*, *inside-out* serta *outside-in*, khususnya dalam penggubalan dasar, regulasi baharu yang merangkumi hak dan privasi pelanggan, keselamatan, pendidikan, ekonomi serta teknologi pintar.

Lantaran itu, Dasar Digital Negara yang disaring menjadi intipati dan tunjang Pelan Pendigitalan dilihat mampu memberi impak terhadap penawaran perkhidmatan yang lebih efisien kepada rakyat. Peranan perkhidmatan awam selaku penggerak kepada agenda transformasi negara berada pada tahap kritikal dalam usaha kerajaan untuk memartabatkan kesejahteraan rakyat. Ekspektasi rakyat dan pemegang taruh harus dipenuhi sebaik mungkin agar ia mampu menepati indikator yang telah ditetapkan. Perkhidmatan awam yang menjadi wadah penyampaian perkhidmatan kepada rakyat sudah tentu perlu bersikap cakna terhadap arus perubahan ini. Perencanaan pelbagai inisiatif dan program untuk memacu gerakan transformasi secara inklusif dan monumental ini memerlukan penjawat awam untuk memiliki kemahiran dalam pelbagai spektrum dan kompetensi yang tinggi agar era digital yang sedang meluncur ini dapat dipacu dengan baik.

*The emergence of a new wave of technology known as The Fourth Industrial Revolution (IR 4.0) and Digital Economy era are the key factors that inspire the government to strive for the success of Malaysia Digital Policy. IR 4.0 happens through three main features; velocity, breadth and depth, and systems impact. These lead to almost impossible phenomena in the future such as autonomous car, quantum computing and artificial intelligence.*

*IoT phenomena (Internet of Things) has changed the way of life from conventional to a more innovative, modern and digital lifestyle by applying digital technology in every day life. This latest demand in technology tests the ability of the public service in providing fast and immediate response to various disruptive technologies. The public service needs to be ready with new and multi-dimensional approaches, including top-down and bottom-up, inside-out and outside-in techniques, especially in policy making, new regulations that protect the rights and privacy of customers, security, education, economy and smart technology.*

*Thus, Malaysia Digital Policy as the core basis of the Digitalisation Plan is believed to have an impact in providing a more efficient service to the people. The role of the public service as the driving force of the country's transformational agenda is critical in upholding the well-being of the people. The expectations of the people and stakeholders need to be fulfilled as best as possible so that they are able to meet the indicators required. Various initiatives and programmes planned by the government to drive transformation inclusively and monumentally require the civil servants to acquire skills in various spectrum and to have high competencies in order to prepare them in facing the challenges of this new digital era.*

---

Memetik Laporan UN E-Government Survey 2016, medium penyampaian perkhidmatan secara elektronik dan mudah alih telah menjadi semakin penting. Ia menjadi penentusah awal terhadap keupayaan kerajaan untuk menyampaikan perkhidmatan yang lebih mantap. Dalam erti kata lain, inisiatif untuk mendigitalkan penyampaian perkhidmatan kerajaan ini berupaya merentasi sektor, mudah akses serta berpaksikan rakyat. Sebagai agensi yang diberi tugas merealisasikan aspirasi kerajaan, MAMPU komited untuk meningkatkan kedudukan Malaysia dalam pelaksanaan kerajaan digital di peringkat global dan ia merupakan satu inisiatif yang dilakukan secara berterusan.

Seiring dengan matlamat untuk mentransformasi penyampaian perkhidmatan digital kerajaan, MAMPU sebagai sebuah agensi pusat sentiasa menjadi organisasi pendahulu yang merevolusikan fungsi dan peranannya. Ia dapat dilihat melalui lima (5) Fokus Strategik Gagasan Retrofit MAMPU iaitu Memperhebat Agenda Pendigitalan Kerajaan, Menyerlah Lakaran Persona MAMPU, Mempelopori Gapura Konsultan Pengurusan Tersohor, Mengangkasa Kecemerlangan Menerusi Pengiktirafan dan Menyemarak Keharmonian Organisasi. Gagasan ini mengambil kira akan keperluan dalam Pelan Perancangan Strategik MAMPU dan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) yang turut menjadi kayu penyokong kepada tiga (3) elemen Agenda Pembangunan Lestari 2030 yang mensasarkan tiada golongan masyarakat akan ketinggalan dalam mengambil bahagian serta mendapat faedah hasil daripada pembangunan negara.

Kejayaan MAMPU yang terakam sejak empat (4) dekad yang lalu bukanlah satu jaminan untuk ia kekal relevan dalam era revolusi perindustrian yang serba mencabar ini. Malah usah sama sekali untuk kita mendabik dada atau berpeluh tubuh tanpa terus meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan kerana sekali kita alpa, pasti kita akan ketinggalan. Untuk kekal berdaya maju menghadapi lonjakan digital di luar sana adalah satu cabaran bagi kita dan ia boleh diterjemahkan melalui pewujudan satu kerangka kompetensi bersifat komprehensif yang menggabungkan jalinan sinergi kepakaran elemen pengurusan dan ICT.

*According to the UN E-Government Survey 2016 Report, electronic and mobile service delivery has become increasingly important. This is a preliminary verification of the government's ability to provide more efficient services. The initiatives to digitalise the delivery of the government services should be across sectors, easy access and citizen centred. As an agency responsible to realise the government's aspirations, MAMPU is committed to improve Malaysia's position in the implementation of digital government globally. Indeed, it is an ongoing effort on MAMPU's part.*

*In line with the goal to transform government's digital service delivery, MAMPU as a central agency has always been the leading organisation that revolutionizes its functions and roles. This can be seen through the five (5) Strategic Focus of MAMPU's Retrofit Ideas, namely; Empowering the Government's Digitalisation Agenda, Illuminating the Persona of MAMPU, Pioneering the Status of Leading Management Consultant, Uplifting Excellence Through Recognition and Cultivating Organisational Harmony. These ideas also take into account the needs highlighted in MAMPU Strategic Planning Plan and Eleventh Malaysia Plan, which also contributes to three (3) elements of the Sustainable Development Agenda 2030 that aims for every citizen to benefit from the country's development.*

*MAMPU's success for the last four (4) decades is not a guarantee that it will remain relevant today especially in this challenging era of industrial revolution. Therefore, it is our duty and responsibility to continue to improve our quality of service delivery. In order to remain viable in facing the digital challenges around us, we need to come out with a comprehensive framework of competency that combines the synergy of management and ICT expertise.*

---

Kerangka kompetensi global seperti The Digital Competence Framework (DigComp 2.0) yang dipelopori oleh European Commission dan Kerangka Kompetensi OECD yang mengandungi 15 kompetensi dan tingkah laku boleh diperhalusi dan diasimilasikan dalam memenuhi konteks dan keperluan MAMPU pada masa kini. Kerangka-kerangka kompetensi ini akan menjadi satu tanda aras dan harus dimiliki oleh semua pegawai MAMPU dalam usaha untuk memantapkan kemahiran diri sekaligus menyumbang kepada kecemerlangan organisasi yang akan merancarkan momentum agenda transformasi sektor awam.

Akhir kalam, adalah menjadi impian saya untuk melihat MAMPU terus maju sederap ke hadapan yang bukan sahaja menjadi gapura kecemerlangan maklumat malahan menjadi pusat sehati yang memberi konsultasi kepada perkhidmatan awam. Saya juga ingin merakamkan ungkapan penghargaan di atas kontribusi idea-idea yang dinamik oleh semua warga MAMPU bagi memastikan organisasi ini terus mencartakan kedudukan dalam kalangan agensi kerajaan yang terunggul. Teruskan beristiqamah dalam memperkasa penyampaian perkhidmatan awam dan menambahbaik kemahiran diri agar dapat mendaki puncak kejayaan serta mengangkasa menerusi pengiktirafan yang diterima. Moga-moga trajektori perjalanan MAMPU dalam menuju era 2050 akan terus gemilang ke puncak kejayaan!

*Global competency framework such as The Digital Competence Framework (DigComp 2.0), pioneered by the European Commission and OECD Competency Framework which contains 15 competencies and behaviors can be refined and assimilated in order to suit the correct context and requirements of MAMPU. These competency frameworks will be a benchmark and should be owned by all MAMPU officers in an effort to strengthen their self-esteem as well as to contribute to the organisation's excellence that will spur the momentum of public sector transformation agenda.*

*Finally, it has always been my vision to see MAMPU continue to move forward not only as a centre of information excellence but also as a one stop centre that provides consultations to the public service. I would also like to extend my gratitude to all the dynamic ideas contributed by MAMPU staff members to ensure that MAMPU continues to become one of the leading agencies in the government. I wish that MAMPU will strive to empower the delivery of public service and that MAMPU's officers will improve their skills in order to achieve success. With that, I pray that MAMPU's route towards 2050 will continue to glorify.*

---

*Mazlan Yusoff*



MAKLUMAT KORPORAT  
CORPORATE PROFILE



**MOTO**  
MOTTO

BERSAMA-SAMA MELAKSANAKAN  
TRANSFORMASI  
TOGETHER WE TRANSFORM

**MISI** MISSION

MEMPERKASAKAN TRANSFORMASI PENYAMPAIAN  
PERKHIDMATAN AWAM MELALUI PENGURUSAN ORGANISASI DAN ICT  
YANG INOVATIF DAN STRATEGIK KE ARAH NEGARA MAJU  
*STRENGTHENING PUBLIC SERVICE DELIVERY TRANSFORMATION  
THROUGH INNOVATIVE AND STRATEGIC ORGANISATIONAL  
MANAGEMENT AND ICT TOWARDS ACHIEVING DEVELOPED NATION  
STATUS*

**VISI** VISION

PENERAJU TRANSFORMASI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM  
YANG TERBILANG  
*SPEARHEADING THE TRANSFORMATION OF PUBLIC SERVICE DELIVERY  
TOWARDS DISTINCTION*

## PERANAN ROLES



Penggerak dan agen perubahan pentadbiran dan pengurusan bagi perkhidmatan awam

*A catalyst and change agent in administrative and management services in the public service*



Perancang dan peneraju dalam pembangunan ICT sektor awam

*A leader in developing ICT for the public sector*



Pakar runding dalam pengurusan organisasi dan ICT sektor awam

*A consultant in organisational management and ICT for the public sector*



Pemudah cara bagi pelaksanaan program pemodenan dan transformasi sistem penyampaian perkhidmatan awam

*A facilitator in the implementation of modernisation and transformation programmes in the public service delivery system*



Penyelidik pemodenan tabdiran dan perancangan pengurusan sektor awam

*A researcher in administrative modernisation and management planning for the public sector*



Pelaksana program promosi penyampaian perkhidmatan kerajaan

*A promoter of government services to the public*

Penguatan Perancangan  
Pengurusan Organisasi yang  
Berkesan

*Strengthening of Effective  
Organisational Management  
Planning*



Penguatan Organisasi  
Berprestasi Tinggi  
*Enhancing High Performance  
Organisation*



Pemantapan Budaya  
Persaingan dan  
Kecemerlangan  
*Strengthening a Culture  
of Excellence and  
Competitiveness*



Pemudah Cara Perniagaan dan  
Pelanggan  
*Facilitating Ease of Doing  
Business and Customer  
Management*



Pemanfaatan ICT dalam  
Sistem Penyampaian  
Perkhidmatan

*Leveraging ICT in Public  
Service Delivery*



**TERAS-TERAS  
STRATEGIK**  
STRATEGIC TRUSTS

# NILAI-NILAI BERSAMA

## SHARED VALUES

---

### BERINTEGRITI

#### *INTEGRITY*

- Menitikberatkan elemen amanah, kepastan bekerja, ketelusan, akauntabiliti, bertanggungjawab, keadilan, kecekapan dan mementingkan keberkesanan setiap hasil kerja berasaskan etika kerja cemerlang ketika berkhidmat
- *Emphasise on the elements of trust, sense of urgency, transparency, accountability, responsibility, fairness, efficiency and effectiveness to complete every task based on excellent work ethics*

### PROFESIONAL

#### *PROFESSIONAL*

- Bertindak dengan penuh komitmen dan memanfaatkan kompetensi serta kepakaran dalam melaksanakan tugas dan menyelesaikan masalah
- *Act with full commitment and fully utilise competency and expertise in carrying out tasks and problem solving*

### RESPONSIF

#### *RESPONSIVE*

- Bertindak dengan pantas dalam membuat keputusan di samping peka terhadap ekspektasi dan kehendak pemegang taruh dan pelanggan dalam setiap perkhidmatan yang diberikan ke arah mendahulukan rakyat dan mengutamakan pencapaian
- *Act quickly in making decisions, as well as sensitive to the needs and expectations of the stakeholders and customers in every service provided by upholding the principle of people first and performance now*

### KERJA BERPASUKAN

#### *TEAM WORK*

- Mengoptimumkan perkongsian pengetahuan dan pengalaman, maklumat, sumber dan kemudahan serta membudayakan amalan *seamless* dalam melaksanakan tugas harian
- *Optimise the sharing of knowledge, experiences, information, resources and facilities, as well as cultivate seamless practices in implementing daily tasks*

### BERILMU

#### *KNOWLEDGEABLE*

- Mengutamakan ilmu dan pembelajaran yang berterusan melalui latihan dan peningkatan kemahiran bagi menjadi modal insan yang cemerlang dan berdaya saing
- *Prioritise for continuous learning and knowledge enhancement through frequent training and skills upgrading to achieve excellence and competitiveness in human capital*



## PUNCA KUASA SOURCES OF AUTHORITY

---

- Akta Fungsi-fungsi Menteri 1969  
• *Ministerial Functions Act 1969*
- Akta Aktiviti Kerajaan Elektronik 2007  
• *Electronic Government Activities Act 2007*
- Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2000: Rangka Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Kerajaan  
• *General Circular No. 3 of 2000: Government's Information Technology and Communication Security Framework*
- Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2006: Pengukuhan Tadbir Urus Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan  
• *General Circular No. 2 of 2006: Strengthening the Governance of Government IT and Internet Committee*
- Surat Pekeliling Am Bilangan 9 Tahun 1977: Penubuhan Unit Pemodenan dan Perancangan Tenaga Manusia  
• *General Circular Letter No. 9 of 1977: Establishment of Human Resources Modernisation and Planning Unit*

## PIHAK BERKEPENTINGAN STAKEHOLDERS

---

- Perdana Menteri  
• *The Prime Minister*
- Jemaah Menteri  
• *The Cabinet*
- Ketua Setiausaha Negara  
• *Chief Secretary to the Government*

## PELANGGAN CUSTOMERS

---

- Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan  
• *Ministries/Departments/Government Agencies*
- Orang Ramai/Rakyat  
• *Citizens*
- Sektor Swasta/Badan Bukan Kerajaan (NGO)/Komuniti Perniagaan  
• *Private Sector/Non-Governmental Organisations (NGOs)/Business Communities*
- Agensi Antarabangsa  
• *International Organisations*
- Media  
• *Media*

# SEJARAH PENUBUHAN MAMPU

## THE FORMATION OF MAMPU

MAMPU ditubuhkan hasil daripada laporan "Development Administration in Malaysia" oleh Prof. John D. Montgomery dan Milton J. Esman yang memperakukan peningkatan profesionalisme melalui program-program pendidikan dan latihan bagi semua lapisan kakitangan dalam perkhidmatan awam.

*MAMPU was established based on a report entitled "Development Administration in Malaysia" by Prof. John D. Montgomery and Milton J. Esman. This report acknowledged the need to upgrade the field of professionalism in the public service through educational and training programmes.*

Atas cadangan dalam laporan yang sama, Unit Pentadbiran Pembangunan atau Development Administration Unit (DAU)

ditubuhkan bagi mengembangkan usaha-usaha penambahbaikan pembaharuan pentadbiran kerajaan. DAU kemudiannya dikembangkan menjadi Implementation Coordination and Development Administration Unit (ICDAU) yang berfungsi untuk menyelaras pelaksanaan projek-projek pembangunan serta perancangan tenaga manusia.

Selaras dengan perkembangan pentadbiran awam yang pesat dan dinamik, ICDAU kemudiannya telah disusun semula pada tahun 1977. Fungsi pemodenan tadbiran dan perancangan tenaga manusia diambil alih oleh sebuah agensi baharu yang dikenali sebagai Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia Malaysia atau Malaysian Administrative Modernisation and Manpower Planning Unit (MAMPU). Bidang rujukannya pada ketika itu adalah seperti berikut:

*Based on the recommendations in the report, the Development Administrative Unit (DAU) was established in 1966 with the aim to spearhead administrative reforms in the government. Later, the DAU's jurisdiction was expanded and it was renamed Implementation Coordination and Development Administrative Unit (ICDAU). It was tasked to coordinate the implementation of development projects and the planning of human resources in the public sector.*

*In line with the rapid and dynamic growth of the public service, ICDAU was later restructured in 1977. The role of administrative modernisation and human resource planning was then handed over to a new agency known as the Malaysian Administrative Modernisation and Manpower Planning Unit (MAMPU). The terms of reference for MAMPU at the time were as follows:*

- i. Bertanggungjawab dalam perancangan pemodenan tadbiran dan memberi perkhidmatan perundingan kepada semua agensi perkhidmatan awam  
*Administrative modernisation planning and management consultation for all civil service agencies*
- ii. Membangun serta menyelaraskan proses perancangan dan kemajuan tenaga manusia.  
*Developing and coordinating human resource planning*

Walau bagaimanapun, pada tahun 1986 hasil daripada penyusunan semula, MAMPU telah diarah untuk memberi penekanan kepada usaha-usaha pemodenan dalam bidang pentadbiran sebagai pakar runding pengurusan oleh kerajaan.

Pada tahun 1986, nama MAMPU telah diubah kepada Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia atau Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit selaras dengan objektif untuk membawa perubahan dalam pentadbiran awam bagi meningkatkan mutu, kecekapan dan keberkesanan pentadbiran sejajar dengan keperluan negara.

*However in 1986, MAMPU was tasked to focus its efforts on administrative modernisation, as the management consultant by the government.*

*MAMPU was then renamed as the Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit in 1986 and was tasked to improve the quality, efficiency, and effectiveness of public administration. The element of human resource planning was handed over to another public sector agency.*

# LAKARAN KECEMERLANGAN MAMPU

## LAKARAN KECEMERLANGAN MAMPU



**1977**

**1988**

### **MEMPELOPORI PEMODENAN**

Peranan MAMPU pada awal penubuhannya adalah untuk memodenkan pentadbiran, membuat penyelidikan, melaksanakan kajian pengurusan organisasi dan melaksanakan penyusunan semula pentadbiran agar bersesuaian dengan peredaran masa. Di samping itu, MAMPU juga berperanan menyelaraskan usaha perancangan keperluan tenaga manusia.

Antara inisiatif MAMPU dalam merintis pemodenan jentera pentadbiran awam adalah dengan gerakan perkhidmatan cemerlang, pemakaian tanda nama seragam, penggunaan kad perakam waktu, dasar dan kempen pemantapan nilai-nilai murni.

### ***SPEARHEADING MODERNISATION***

*MAMPU role in its establishment is to modernise the administration, conduct research, carry out organisational management study and administrative restructuring to suit the passage of times. In addition, MAMPU will also serve to coordinate the planning of manpower requirements.*

*Among the initiatives taken by MAMPU in pioneering the modernisation of public administration machinery are outstanding service motion, the application of a uniform name tags, the use of punch cards, policies and strengthening moral values campaigns.*

### **MEMBUDAYAKAN KUALITI DAN PRODUKTIVITI**

MAMPU terus mengorak langkah dalam memperkukuhkan peranan sebagai pemacu kecemerlangan pemodenan pentadbiran perkhidmatan awam melalui inisiatif pembudayaan kualiti dan produktiviti bagi mempertingkatkan prestasi penyampaian perkhidmatan sektor awam. Antara usaha-usaha yang telah dilaksanakan ialah Gerakan Budaya Kerja Cemerlang, Hari Q, Pengenalan Anugerah Kualiti Perdana Menteri, Pelaksanaan MS ISO 9000, pelaksanaan inspektorat dan penerbitan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA).

### ***ACCULTURATION OF QUALITY AND PRODUCTIVITY***

*MAMPU has taken further strides in strengthening its role as an accelerator for the excellence of public sector administrative modernisation through acculturation of quality and productivity initiatives to increase the public service delivery performance. Among the efforts that have been carry out are the Excellent Work Culture Movement, Q Day, the Introduction of Prime Minister Quality Award, Implementation of MS ISO 9000, the inspectorate and the publication of the Public Administration Development Circular (PKPA).*



**1996**

**2010**

### **MELAKAR LANDSKAP DIGITAL**

Seiring dengan ledakan kemajuan teknologi maklumat, peranan MAMPU selaku agensi peneraju teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) Sektor Awam lebih menyerlah. Dilengkapi dengan infrastruktur dan kepakaran modal insan dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi yang bertaraf dunia, MAMPU berjaya melakar lanskap digital melalui projek mega ICT seperti Electronic Government Blueprint (EG Blueprint), EG Net, Electronic Labour Xchange (ELX), Open Source Software (OSS) Sektor Awam, myGovernment Portal, ePerolehan dan e-Syariah. Pembangunan Pelan Strategik ICT Sektor Awam pada tahun 2003 seterusnya berperanan sebagai blueprint untuk menyediakan landasan bagi pelaksanaan inisiatif ICT oleh agensi-agensi kerajaan dalam menyediakan perkhidmatan berasaskan ICT yang berkualiti dan cekap.

### **SHAPING THE DIGITAL LANDSCAPE**

*With the advancement of information technology, MAMPU role as the leader in developing ICT for the public sector is more noticeable. Equipped with the world class infrastructure and an expert human capital in the field of information and communication technologies, MAMPU has succeed in shaping the digital landscape through ICT mega projects such as Electronic Government Blueprint (EG Blueprint), EG Net, Electronic Labour Exchange (ELX), Public Sector Open Source Software (OSS), myGovernment, eProcurement and e-Syariah. The development of Public Sector ICT Strategic Plan in 2003 thus serves as a blueprint in providing the foundation for the implementation of ICT initiatives by government agencies to provide an excellent and efficient ICT based services.*

### **MENCETUS DAN MENYEMARAK OBOR**

#### **TRANSFORMASI**

Senario perubahan persekitaran global yang pesat dari segi teknologi dan cabaran globalisasi serta ekspektasi pelanggan yang semakin meningkat menyebabkan perkhidmatan awam perlu bergerak seiring dengan perkembangan semasa terutama dari segi pemantapan sistem penyampaian perkhidmatan awam. MAMPU sebagai agensi peneraju transformasi sistem penyampaian perkhidmatan awam telah menggalas tanggungjawab penting dalam usaha pengukuhan pengurusan, pemantapan organisasi, pengukuhan sistem dan prosedur kerja. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan ialah Anugerah Inovasi Perdana Menteri, Penggubalan Akta Kerajaan Elektronik, eKL, Pengenalan mySMS 15888, Pelantikan Pasukan Perunding ICT Sektor Awam dan Penerbitan Manual Business Process Re-engineering (BPR).

### **INSPIRE AND IGNITE THE FLAME OF TRANSFORMATION**

*The public service must keep pace with the current developments of the rapid changes in the global environment in terms of technology, challenges of globalisation and the escalation of customer expectations, particularly in strengthening public service delivery system. MAMPU as the lead agency for the transformation of public service delivery system has an important responsibility in strengthening management, organisation, systems and procedures. Among the initiatives that have been implemented are the Prime Minister's Innovation Award, Formulation of Electronic Government Act, eKL, Introduction of mySMS 15888, Appointment of Public Sector ICT Consultancy Team and Publication of Manual Business Process Re-Engineering (BPR).*



**2013**

**2015**

### **MELESTARIKAN AGENDA TRANSFORMASI**

Kerjasama strategik, musyawarah dan libat urus merupakan mekanisme bagi mewujudkan perkhidmatan awam negara yang melangkaui ekspektasi. MAMPU terus melipatgandakan usaha melalui penandaarasan amalan terbaik antarabangsa, pemanfaatan media sosial, pengukuhan organisasi berprestasi tinggi dan pemanfaatan ICT dalam sistem penyampaian perkhidmatan. MAMPU turut bertindak sebagai pemudah cara, pelaksanaan inisiatif dan touchpoint kepada rakyat, bersifat telus dan berkesan melalui pendekatan jejak mesra perkhidmatan awam berkonsepkan turun padang.

### ***PRESERVING THE TRANSFORMATION AGENDA***

*Strategic collaborations, consultations and engagements is a mechanism for the manifestation of the national public service that goes beyond expectations. MAMPU continue to intensify the efforts by benchmarking international best practices, the use of social media, the strengthening of high-performance organisation and leveraging ICT in the service delivery system. MAMPU also act as a facilitator, initiatives implementer and touchpoint to the public, transparent and effective through public service friendly-trail with field work concept approach.*

### **MELUAP OBOR TRANSFORMASI**

Persaingan hebat dunia tanpa sempadan menjadikan kreativiti dan inovasi sebagai faktor kritikal dan platform utama dalam menentukan kelangsungan kecekapan sektor awam. Warga MAMPU akan sentiasa berusaha menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan awam selari dengan hasrat kerajaan untuk memberikan perkhidmatan yang efektif, efisien dan responsif.

Penciptaan nilai untuk inisiatif-inisiatif bitara di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (National Blue Ocean Strategy, NBOS) seperti Pusat Panggilan 1Malaysia (1Malaysia One Call Centre, 1MOCC) dan Pusat Latihan 1Malaysia (1Malaysia Training Centre, 1MTC) akan terus dipergiatkan supaya perkhidmatan yang terbaik dapat diberikan kepada rakyat.

MAMPU akan terus memperkasa kegemilangan dan merencanakan momentum transformasi sistem penyampaian perkhidmatan awam supaya matlamat untuk menjadikan MAMPU terbilang dapat dicapai.

### ***EXPAND THE FLAME OF TRANSFORMATION***

*Intense rivalry in the borderless world makes creativity and innovation as a critical factor and major platform in determining the survival of public sector efficiency. MAMPU will always strive to improve the public service delivery system to be in line with the government's desire to provide effective, efficient and responsive services.*

*The creation of values for signature initiatives under National Blue Ocean Strategy, NBOS like 1Malaysia One Call Centre, 1MOCC and 1Malaysia Training Centre, 1MTC will be actively implemented so that the best services can be given to the citizens.*

*MAMPU will continue to empower excellence and boost the momentum of public service delivery system transformation, to be renown as an excellence organisation.*



PROFILE KEPIMPINAN  
LEADERSHIP PROFILE

# PENGURUSAN TERTINGGI TOP MANAGEMENT



**YBhg. Dato' Dr. Mazlan Yusoff**  
Ketua Pengarah MAMPU  
*Director-General of MAMPU*



**Tuan Haji Mohd Shahabuddin bin Omar**  
Timbalan Ketua Pengarah (Transformasi  
dan Pemodenan Pengurusan)  
*Deputy Director-General (Management  
Transformation and Modernisation)*



**Dr. Suhazimah binti Dzazali**  
Timbalan Ketua Pengarah (Teknologi  
Maklumat dan Komunikasi)  
*Deputy Director-General (Information  
and Communications Technology)*

# PENGURUSAN KANAN MAMPU

## TOP MANAGEMENT OF MAMPU



### SEKTOR PENGURUSAN

#### MANAGEMENT SECTOR

- |  |   |   |
|--|---|---|
| <p>1. <b>Dr. Zulkefli bin Ibrahim</b><br/>           Pengarah Bahagian Dasar Transformasi<br/> <i>Director of Transformation Policy Division</i></p>                   | <p>2. <b>Dato' Azlan bin Johar</b><br/>           Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan<br/> <i>Director of Management Services Division</i></p> | <p>3. <b>Burhan bin Mat Sum</b><br/>           Pengarah Bahagian Perancangan dan Komunikasi Korporat<br/> <i>Director of Planning and Corporate Communications Division</i></p> |
| <p>4. <b>Yusliza binti Mohd Yusof</b><br/>           Pengarah Bahagian Pusat Panggilan 1Malaysia (1MOCC)<br/> <i>Director of 1Malaysia One Call Centre (1MOCC)</i></p> | <p>5. <b>Boniface Basin Nyirop</b><br/>           Ketua Unit KPI<br/> <i>Head of KPI Unit</i></p>   | <p>6. <b>Thilagam Kolandapayyan</b><br/>           Ketua Unit Integriti<br/> <i>Head of Integrity Unit</i></p>  |



**SEKTOR TRANSFORMASI DAN PEMODENAN PENGURUSAN**  
**MANAGEMENT TRANSFORMATION AND MODERNISATION SECTOR**

7. **Dr. Salmah binti Ishak**  
 Pengarah Bahagian Perundingan  
 Pengurusan 1  
*Director of Management  
 Consultancy Division 1*

8. **Dr. Mohd Zabri bin Yusoff**  
 Pengarah Bahagian  
 Penyelidikan Pengurusan  
*Director of Management  
 Research Division*

9. **Lornie Enggong**  
 Pengarah Bahagian  
 Perundingan Pengurusan 2  
*Director of Management  
 Consultancy Division 2*

10. **Dr. Dusit a/k Jaul**  
 Pengarah MAMPU Sarawak  
*Director of MAMPU Sarawak*

11. **Dato' Haji Mohd Shuhaili bin Mohd  
 Taufek**  
 Pengarah MAMPU Sabah  
*Director of MAMPU Sabah*



**SEKTOR TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI**  
**INFORMATION AND COMMUNICATION TECHNOLOGY SECTOR**

12. **Sophia binti Hashim**

Pengarah Bahagian Perundingan ICT

*Director of ICT Consultancy Division*

13. **Dr. Yusminar Binti Yunus**

Pengarah Bahagian Kerajaan Digital

*Director of Digital Government Division*

14. **Jaafar bin Ahmad**

Pengarah Bahagian Pembangunan Aplikasi

*Director of Application Development Division*

15. **Abdul Latif bin Ismail**

Pengarah Bahagian Pembangunan Perkhidmatan Gunasama Infrastruktur dan Keselamatan ICT

*Director of ICT Infrastructure, Shared Services and Security Development Division*

16. **Rubaiah binti Hashim**

Pengarah Bahagian Pembangunan Strategik dan Arkitektur ICT

*Director of ICT Strategic and Architecture Development Division*

**PASUKAN PERUNDING ICT SEKTOR AWAM**  
***PUBLIC SECTOR ICT CONSULTANCY TEAM***



**Encik Kathirrasan a/l Kupusamy**  
Ketua Perunding  
(Pembangunan Sistem)  
*Principal ICT Consultant  
(System Development)*



**Dr. Mohamad Zainuddi bin Mat Taib**  
Ketua Perunding (Strategis ICT)  
*Principal ICT Consultant  
(ICT Strategic)*



**Puan Sophia binti Hashim**  
Ketua Perunding (Teknikal ICT)  
*Principal ICT Consultant  
(ICT Technical)*



**Puan Susie Dorai Raj**  
Perunding ICT (Strategis ICT)  
*ICT Consultant (ICT Strategic)*



**Encik Azih Bin Yusof**  
Perunding ICT (Pembangunan  
Sistem)  
*ICT Consultant  
(System Development)*



**Dr. Tan Yit Quin**  
Perunding ICT (Strategis ICT)  
*ICT Consultant (ICT Strategic)*



**Encik Ahmad bin Osman**  
Perunding ICT (Teknikal ICT)  
*ICT Consultant (ICT Technical)*



**Encik Khairuddin Bin Yahaya**  
Perunding ICT (Teknikal ICT)  
*ICT Consultant (ICT Technical)*



**Puan Noraini binti Ab Rahim**  
Perunding ICT  
(Pembangunan Sistem)  
*ICT Consultant  
(System Development)*



**Puan Nur Hidayah binti Abdullah**  
Perunding ICT (Teknikal ICT)  
*ICT Consultant (ICT Technical)*

# CARTA ORGANISASI

## CARTA ORGANISASI



### BAHAGIAN DASAR TRANSFORMASI (BDT)

#### TRANSFORMATION POLICY DIVISION

- Melaksanakan perancangan senario dalam menetapkan hala tuju dan bidang fokus pemodenan perkhidmatan awam.
- *To implement scenario planning in setting the direction and focus of the public service modernisation.*
- Merancang dan menetapkan halatuju strategik makro bagi transformasi pemodenan pengurusan dan dasar ICT sektor awam selaras dengan dasar semasa kerajaan.
- *To plan and establish macro strategic direction for the transformation of management modernisation and public sector ICT policies to be in line with the current policies of the Government.*
- Menyelaras dasar awam berkaitan bidang pengurusan dan ICT bagi pemantapan penyampaian perkhidmatan, pengurusan inovasi serta pembudayaan nilai sektor awam dalam mengurusperdanakan penyampaian perkhidmatan kerajaan dan mempertingkatkan daya saing negara.
- *To coordinate public policies pertaining to management and ICT fields towards the standfast of service delivery, innovation management and acculturation of public sector values in order to prime the Government's service delivery and to elevate the country's competitiveness.*
- Memainkan peranan sebagai *focal point* dalam mewujudkan transformasi perkhidmatan awam berprestasi tinggi.
- *To act as a focal point in establishing a high feat public service transformation.*
- Memberi khidmat nasihat mengenai penerbitan/kertas seminar peringkat nasional dan antarabangsa yang melibatkan dasar makro.
- *To provide advice pertaining to publications/seminar papers at national or international level involving macro policy.*
- Menguruskan repositori/bank data berbentuk keputusan dasar yang berkaitan dengan fungsi MAMPU.
- *To manage the repository/data bank of policy decisions that relates to the functions of MAMPU.*

### BAHAGIAN PERUNDINGAN ICT (BPI)

#### ICT CONSULTING DIVISION

- Mengkaji, merancang dan memacu projek-projek ICT sektor awam di dalam aspek strategik, pembangunan sistem dan teknikal.
- *To review, plan and drive public sector ICT projects in strategic, system development and technical aspects.*
- Memberi khidmat nasihat di dalam aspek strategik, pembangunan sistem dan teknikal.
- *To provide advice in strategic, system development and technical aspects.*
- Memimpin dan membantu dalam pembangunan kepakaran dan sebagai mentor dalam aspek strategik, pembangunan sistem dan teknikal.
- *To lead and assist in the development of expertise and as a mentor in strategic, system development and technical aspects.*
- Menjalankan kajian untuk penambahbaikan, penyelidikan, inovasi dan penemuan baharu dalam aspek strategik, pembangunan sistem dan teknikal.
- *To conduct study for improvements, research, innovations and new discoveries in strategic, system development and technical aspects.*
- Menjalinkan rangkaian strategik dengan organisasi di dalam dan luar negara.
- *To establish strategic networks with local and international organisations.*

## PELAN STRATEGIK ICT

### PELAN STRATEGIK ICT (PSICT)

- Pelan Strategik ICT akan bertindak sebagai pelan tindakan (blueprint) bagi pelaksanaan ICT sejajar dengan bisnes organisasi, pengurusan dan keutamaan operasi.

#### PELAN STRATEGIK ICT



## SENARAI PERKHIDMATAN

### PENILAIAN PERSEKITARAN SEMASA

- Khidmat perundingan ini untuk membantu agensi membuat penilaian ke atas persekitaran semasa bisnes dan ICT organisasi.

### PEMBANGUNAN HALATUJU STRATEGIK ICT

- Khidmat perundingan ini membolehkan agensi membangunkan strategi ICT sejajar dengan strategi bisnes organisasi.

### PEMBANGUNAN STRATEGI PELAKSANAAN

- Khidmat perundingan ini membolehkan agensi membangunkan Pelan Tindakan sejajar dengan strategi ICT yang telah dirangka.

### SEMAKAN SEMULA PSICT AGENSI

- Perkhidmatan ini adalah untuk membantu agensi menyemak dan menilai pencapaian Pelan Strategik ICT semasa agensi.

### PERUNDINGAN PEMBANGUNAN PSICT SECARA PENYUMBERANLUAR

- Khidmat perundingan ini akan diberikan kepada agensi yang akan membangunkan Pelan Strategik ICT secara outsource. Perkhidmatan yang disediakan termasuk kajian semula terma rujukan, penilaian perolehan dan keahlian dalam struktur talibar uas.

### KHIDMAT NASIHAT METODOLOGI PEMBANGUNAN PSICT

- Perkhidmatan ini menyediakan metodologi untuk membangunkan Pelan Strategik ICT dengan menggunakan templat yang berkaitan bagi membolehkan agensi untuk membangunkan Pelan Strategik ICT sendiri.

## PENGURUSAN PANGKALAN DATA

### PERUNDINGAN PENGURUSAN PANGKALAN DATA

- Perkhidmatan yang disediakan untuk membolehkan agensi sektor awam melaksanakan amalan terbaik dalam merancang, mereka bentuk, membangun dan menyelenggara pangkalan data, untuk memastikan prestasi sistem, kualiti data, ketersediaan dan integriti.

### PERKHIDMATAN PENGURUSAN PANGKALAN DATA

#### REKA BENTUK PANGKALAN DATA

1. Memberi khidmat nasihat dalam rekabentuk pangkalan data mengenai model dan mereka bentuk pangkalan data termasuk dokumentasi rekabentuk pangkalan data.

#### PEMBANGUNAN PANGKALAN DATA

1. Memberi perkhidmatan perundingan bermula dengan rekabentuk pangkalan data, menyediakan khidmat nasihat teknikal dari segi pembangunan logik dan titik pangkalan data.

#### PENYELESAIAN MASALAH PANGKALAN DATA

1. Memberi nasihat teknikal bagi penyelesaian konfigurasi pangkalan data serta isu-isu teknikal yang berkaitan.

#### PENALAN PRESTASI PANGKALAN DATA

1. Memberi nasihat teknikal untuk meningkatkan prestasi pangkalan data.

#### PENGURUSAN DAN PENTADBIR PANGKALAN DATA

1. Memberi khidmat bimbingan kepada personel ICT kerajaan dalam menyelenggara sistem pangkalan data.

#### PERKHIDMATAN PENGUJIAN PANGKALAN DATA

1. Memberi khidmat bimbingan merangkumi pengujian fungsian, pengujian integriti, pengujian prestasi dan pengujian keselamatan.

#### PERKHIDMATAN REVERSE ENGINEERING PANGKALAN DATA

1. Membantu dalam menyediakan dokumentasi pangkalan data yang tidak didokumen bagi pangkalan data yang telah beroperasi.

#### JAMINAN KUALITI PANGKALAN DATA

1. Memberi khidmat perundingan bagi melaksanakan jaminan kualiti pangkalan data pengikut rekabentuk sebagai ke pengikut implementasi pangkalan data.

#### REKA BENTUK PANGKALAN DATA

1. Melaksanakan kajian keperluan integrasi data serta memberi nasihat teknikal kepada cadangan reka bentuk integrasi dan penyelesaian.

#### REKA BENTUK PANGKALAN DATA

1. Menyediakan nasihat teknikal bagi memastikan kejayaan migrasi pangkalan data sedia ada kepada pangkalan data baharu.

## PENGURUSAN PUSAT DATA

- Perkhidmatan perundingan pusat data termasuk merancang dan menguruskan semua aset fizikal dan sumber yang ditempatkan di pusat data.

### TERAS KEMUDAHAN PUSAT DATA

Menuju Pusat Data Hijau, Berskala, Modular Dan Selamat



### SENARAI PERKHIDMATAN

#### 1. PEMBANGUNAN PUSAT DATA

- Kedua-dua pihak personel ICT dan pengurus kawasan akan terlibat sama dalam menentukan keperluan bisnes dan matlamat strategik agensi.
- Perkhidmatan ini menyediakan kecekapan teknikal untuk membantu agensi mengambil pendekatan strategik dalam pembangunan pusat data termasuk pengalihan kuasa, sistem penyejukan, sistem keselamatan dan sebagainya.

#### 2. REKABENTUK PUSAT DATA

- Khidmat nasihat teknikal mengenai model dan reka bentuk susun atur arkitektur dan infrastruktur sokongan pusat data dan perkakasan ICT.

#### 3. PERANCANGAN KAPASITI PUSAT DATA

- Pelan perancangan yang fleksibel merupakan elemen penting untuk memampung keperluan bisnes dan teknologi yang sentiasa berubah.
- Agensi untuk merancang kapasiti pusat data akan dibantu bagi memastikan ia mempunyai tahap ketersediaan yang memuaskan dan redundancy serta memenuhi service-level agreement (SLA).

#### 4. PENAIKTARAFAN PUSAT DATA

- Penaiktarafan Pusat Data merupakan satu usaha untuk meningkatkan kecekapan pusat data melalui reka bentuk dan amalan operasi.
- Pasukan dan khidmat keapakan akan diberi dalam strategi untuk meningkatkan sistem penyejukan, perkakasan ICT, susun atur bilik dan infrastruktur lain yang berkaitan.

#### 5. PERUNDINGAN PENGURUSAN PUSAT DATA

- Memberi khidmat nasihat kepada agensi sektor awam dalam membangun dan merancang strategi, atau menyediakan pendekatan bagi menyelesaikan cabaran tertentu dan mengunakan penyelesaian pusat data supaya berada pada tahap prestasi tinggi dan ketersediaan.

#### 6. KONSOLIDASI PUSAT DATA DALAM SEKTOR AWAM MALAYSIA

- Konsolidasi Pusat Data merupakan strategi Kerajaan untuk memacu inovasi bagi kesinambungan perkhidmatan awam yang berterusan.
- Konsolidasi infrastruktur dan aset ICT pusat data telah membantu Kerajaan untuk mengurangkan kos dan meningkatkan kecekapan dalam pengurusan maklumat dan sumber.

## PENGURUSAN RANGKAIAN

### PASUKAN PERUNDING PENGURUSAN RANGKAIAN

- Pasukan perunding menyediakan penyelesaian rangkaian yang proaktif dan kos efektif, well-defined di samping membangun kemahiran dalam bidang rangkaian dan perpengetahuan dalam kalangan sektor awam.

### SENARAI PERKHIDMATAN

#### 1. REKA BENTUK RANGKAIAN

- Membantu keperluan agensi dalam membuat perancangan dan reka bentuk infrastruktur rangkaian yang kukuh termasuk reka bentuk rangkaian setempat (Local Area Network (LAN) / rangkaian meluas (Wide Area Network (WAN)), struktur sistem pengkabelan, reka bentuk tanpa wayar, sambungan Internet dan sebagainya.



#### 2. PERANCANGAN PEMBANGUNAN RANGKAIAN

- Pasukan perunding rangkaian akan membantu dan memastikan agensi mengambil kira semua keperluan rangkaian dengan terperinci dalam spesifikasi teknikal semasa penyediaan perolehan.

#### 3. PEMBANGUNAN RANGKAIAN

- Khidmat perundingan pembangunan rangkaian tertumpu kepada pemantauan pelaksanaan pembangunan rangkaian dan reka bentuk arkitektur mengikut spesifikasi dalam dokumen perolehan kerajaan.

#### 4. PENYELESAIAN MASALAH RANGKAIAN

- Khidmat perundingan ini menyediakan penyelesaian yang optimum melalui penggunaan proses yang sistematis untuk mengenal pasti, mendiagnosis dan menyelesaikan masalah serta memulihkan operasi rangkaian agensi.

#### 5. PERANCANGAN KAPASITI RANGKAIAN

- Untuk memastikan rangkaian agensi mempunyai keupayaan untuk berkembang/ bertumbuh sejajar dengan keperluan masa hadapan. Berdasarkan prestasi rangkaian yang akan di analisis.

#### 6. UJIAN PRESTASI RANGKAIAN

- Menyediakan perkhidmatan untuk menguji prestasi rangkaian untuk mendapatkan gambaran secara menyeluruh prestasi rangkaian agensi untuk mengenal pasti kelemahan rangkaian dan menawarkan penyelesaian yang lebih baik.

#### 7. MIGRASI RANGKAIAN

- Pelas migrasi rangkaian diperlukan sekiranya agensi terlibat dalam aktiviti penaiktarafan infrastruktur rangkaian dan pemindahan perkakasan ICT sama ada dari segi lokasi atau teknologi.

## BAHAGIAN PENYELIDIKAN PENGURUSAN (BPP) MANAGEMENT RESEARCH DIVISION

- Merancang dan melaksanakan penyelidikan mengenai pengurusan dan pembangunan organisasi awam.
- *To plan and conduct research pertaining to organisational management and development.*
- Menyediakan dasar, standard dan garis panduan amalan-amalan terbaik pengurusan dan penyampaian perkhidmatan awam.
- *To prepare policy, standard and guidelines on best practices in regards to public service delivery and management.*
- Menyediakan manual bimbingan pelaksanaan amalan-amalan terbaik pengurusan dan penyampaian perkhidmatan awam.
- *To prepare reference manual of best practices for public service delivery and management.*
- Merancang dan melaksanakan kajian keberkesanan pelaksanaan dasar, standard dan garis panduan amalan pengurusan organisasi awam.
- *To plan and conduct study on the effectiveness of policy, standard and implementation guidelines for public organisation's management practices.*



## BAHAGIAN PERANCANGAN DAN KOMUNIKASI KORPORAT (BPKK) CORPORATE PLANNING AND COMMUNICATION DIVISION

- |  |   |  |
|--|---|--|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Merancang, menyelaraskan, memantau dan mengkaji semula perancangan strategik MAMPU.</li> <li>• <i>To plan, coordinate, monitor and conduct review of MAMPU Strategic Plan.</i></li> <li>• Merancang dan menyelaraskan program-program promosi dan publisiti MAMPU.</li> <li>• <i>To plan and coordinate promotion and publicity programmes for MAMPU.</i></li> <li>• Merancang dan menyelaraskan penyertaan MAMPU di peringkat antarabangsa termasuk</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>menyelaraskan lawatan organisasi antarabangsa.</li> <li>• <i>To plan and coordinate MAMPU's participation at international level including coordinating visits from international organisations.</i></li> <li>• Menyelaraskan maklum balas pihak luar seperti soalan Parlimen dan menjadi urus setia mesyuarat utama MAMPU.</li> <li>• <i>To coordinate feedbacks from outside parties such as Parliamentary questions and as a secretariat of MAMPU's main meetings.</i></li> <li>• Menguruskan Perpustakaan</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>dan penerbitan MAMPU.</li> <li>• <i>To manage the Library and publications of MAMPU.</i></li> <li>• Merancang dan menyelaraskan peningkatan imej korporat MAMPU.</li> <li>• <i>To plan and coordinate the enhancement of MAMPU's corporate image.</i></li> <li>• Mengurus, menyelaraskan, memantau dan mengemaskini kandungan Portal dan media sosial MAMPU.</li> <li>• <i>To manage, coordinate, monitor and update the content of MAMPU's Portal and media social.</i></li> </ul> |
|--|---|--|

# BAHAGIAN PEMBANGUNAN STRATEGIK DAN ARKITEKTUR ICT (BSA)

## ICT STRATEGIC AND ARCHITECTURE DEVELOPMENT DIVISION

- Merancang, menggubal dan menyelaraskan akta, dasar, standard, garis panduan, pekeliling dan arahan ICT sektor awam.
- *To plan, formulate and coordinate the public sector ICT acts, policies, standards, guidelines, circulars and orders.*
- Merancang, membangun dan memantau pelaksanaan Pelan Strategik ICT dan Enterprise Architecture (EA) Sektor Awam.
- *To plan, develop and monitor the implementation of ICT*

### *Strategic Plan and Public Sector Architecture Enterprise (EA).*

- Merancang, menyelar, melaksana dan memantau mesyuarat Jawatankuasa Teknikal ICT Sektor Awam (JTISA).
- *To plan, coordinate, execute and monitor the Public Sector ICT Technical Committee Meetings (JTISA).*
- Merancang, membangun, melaksana dan memantau Pelan Pembangunan Kompetensi dan Kerjaya

### Skim Perkhidmatan Sistem Maklumat Sektor Awam.

- *To plan, develop, execute and monitor the Competency and Career Development Plan for Public Sector Information System Service Scheme.*
- Merancang, menyelar dan melaksanakan Program Kolaboratif Strategik ICT Sektor Awam, industri tempatan dan antarabangsa.
- *To plan, coordinate and execute Public Sector ICT Collaborative Strategic Programme, local and international industries.*



# BAHAGIAN PERUNDINGAN PENGURUSAN 1 (BPP1)

## MANAGEMENT CONSULTING 1 DIVISION

- Merancang, menyelaraskan dan melaksanakan program/aktiviti/projek bagi pengurusan khidmat rundingan/nasihat, perkhidmatan proses dan prosedur kerja (BPR) melalui pendekatan B-FASTER, pembangunan dasar operasi dan modul, keurusetiaan dan *Business Intelligence* yang merangkumi pemantauan dan proses libat urus bagi tujuan validasi dan penambahbaikan berterusan.
- *To plan, coordinate and implement programmes/activities/projects for the management of consultation/advisory services, business process re-engineering (BPR)*

*through B-FASTER approach, development of operational policies and modules, perform the role of secretariat and conducting business intelligence which includes monitoring and engagement process for the purpose of validation and continuous improvement.*

- Melaksanakan khidmat nasihat/rundingan kepada agensi yang memohon melalui kumpulan perunding yang dilantik (perbincangan awal/pra bengkel/bengkel/ceramah/taklimat).
- *To deliver advisory/consultation services to agencies through the*

*designated consultants team (preliminary discussion/ pre-workshop session/ workshop/ talk session/ briefing).*

- Merancang, mengurus dan melaksanakan projek-projek berkaitan BPR.
- *To plan, manage and implement BPR-related projects.*
- Memantau pelaksanaan cadangan khidmat perundingan yang telah diberikan
- *To monitor the overall implementation of proposed consultancy services.*




## BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN (BKP)

### MANAGEMENT SERVICES DIVISION

- Merancang pembangunan sumber manusia dari segi keperluan kepakaran, kuantiti dan kualiti berdasarkan Pelan Strategik Sumber Manusia (PSSM).
- *To plan the development of human resources in terms of expertise requirements, quantity and quality based on the Strategic Plan of Human Resources (PSSM).*
- Menguruskan pengoperasian personel skim Pegawai Teknologi Maklumat Sektor Awam.
- *To manage the operational of Public Sector Information Technology Officers Scheme Personnel.*
- Mengurus, menyedia dan memantau Belanjawan Mengurus dan Pembangunan MAMPU.
- *To manage, prepare and monitor the MAMPU's Operating Budget.*
- Mengurus dan menyelaraskan perkara-perkara berhubung urusan pentadbiran am dan keselamatan pejabat, pengurusan rekod dan dokumen, pengurusan aset, pengurusan stor serta khidmat sokongan logistik.
- *To manage and coordinate matters relating to general administration and office security, record and documents management, asset management, store management as well as logistics support services.*
- Menguruskan kemudahan peralatan dan perisian ICT baharu dari sudut perolehan, pendaftaran, pengagihan dan pelupusan.
- *To manage new ICT equipment and software in terms of acquisition, registration, distribution and disposal.*
- Menyediakan khidmat sokongan peralatan dan perisian ICT, teknikal dan penyenggaraan bagi peralatan rangkaian serta peralatan ICT .
- *To provide ICT, technical and maintenance support for ICT and networking equipment.*
- Bertanggungjawab terhadap pematuhan kualiti dan dasar inovasi di peringkat MAMPU.
- *Responsible for quality compliance and innovation policies at MAMPU.*

## BAHAGIAN KERAJAAN DIGITAL DIGITAL GOVERNMENT DIVISION

- Menyelaras dan memantau perkhidmatan dalam talian kerajaan termasuk penarafan antarabangsa (UNeGDI dan World Bank).
- *To coordinate and monitor government online services including international ratings (UNeGDI and World Bank).*
- Menyelaras dan memantau penggunaan Data Terbuka Kerajaan termasuk penarafan antarabangsa (ODB dan GODI).
- *To coordinate and monitor the usage of Government Open Data including international ratings (ODB and GODI).*
- Merancang, menyelaras dan melaksanakan transformasi perkhidmatan berpacuan data (Data Raya Sektor Awam dan Data Terbuka).
- *To plan, coordinate and implement transformation of data-driven services (Public Sector Big Data and Open Data)*
- Menyelaras, membangun dan melaksanakan Portal myGovernment (GOSG).
- *To coordinate, develop and implement myGovernment Portal (GOSG).*
- Menyelaras, membangun dan melaksanakan Hab Perkongsian Maklumat Kerajaan (myGDX).
- *To coordinate, develop and implement Malaysian Government Central Data Exchange (MyGDX).*



# BAHAGIAN PERUNDINGAN PENGURUSAN 2 (BPP2)

## MANAGEMENT CONSULTING 2 DIVISION

- Merancang, membangun dan melaksanakan penilaian prestasi agensi sektor awam melalui Program Penarafan Bintang bagi memastikan kecemerlangan penyampaian perkhidmatan sentiasa berada pada tahap terunggul.
- *To plan, develop and evaluate the performance of public sector agencies through Star Rating Programme to ensure consistent excellent delivery of service.*
- Merancang dan melaksanakan program inovasi dan pengiktirafan sektor awam melalui Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM), Anugerah Inovasi Sektor Awam (AISA), Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) dan Hab Inovasi Sektor Awam (HISA) bagi memastikan amalan kreatif dan inovasi dapat menghasilkan mutu perkhidmatan yang berprestasi tinggi.
- *To plan and carry out innovation programme and public sector recognition via Prime Minister Innovation Award (AIPM), Public Sector Innovation Award (AISA), Public Sector Conducive Ecosystem (EKSA) and Public Sector Innovation Hub (HISA) in order to ensure that creative and innovative practice will be able to produce high feat level of service.*
- Merancang dan melaksanakan lawatan inspektorat bagi menilai prestasi penyampaian perkhidmatan awam dan program *Mystery Shopping* bagi agensi sektor awam terlibat dalam Penilaian Penarafan Bintang.
- *To plan and conduct inspectorate visit to evaluate public service delivery performance and Mystery Shopping programme for public sector agencies involved with Star Rating Evaluation.*



# BAHAGIAN 1MOCC

## 1MOCC DIVISION

- Membantu dan memudahkan orang ramai berkomunikasi dengan agensi kerajaan untuk sebarang pertanyaan, bantuan direktori, maklum balas, cadangan, aduan dan penghargaan yang berkaitan pelbagai produk dan perkhidmatan bagi:
  - a. 21 agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri
  - a. 21 agencies under Prime Minister Department;
  - b. Agensi-agensi barisan hadapan iaitu Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Pendaftaran Negara dan Jabatan Imigresen Malaysia
  - b. Frontline agencies which are Road Transport Department, National Registration Department and Malaysia Immigration Department ; and
  - c. 25 kementerian
  - c. 25 ministries.
- Menjenamakan semula imej perkhidmatan awam dengan menegakkan wawasan kerajaan "No Wrong Door Policy" dan "One Stop Service Centre".
- To rebrand the image of public service by upholding the government insight "No Wrong Door Policy" and "One Stop Service Centre".
- Meningkatkan kolaboratif strategik antara agensi-agensi kerajaan bagi memaksimumkan dan mengoptimumkan penggunaan sumber merentasi agensi.
- To intensify strategic collaboration between government agencies in order to maximize and optimize the usage of resources across agencies.



# BAHAGIAN PEMBANGUNAN APLIKASI (BPA)

## APPLICATION DEVELOPMENT DIVISION

- Merancang, membangun, menyenggara dan melaksanakan sistem aplikasi merentasi agensi yang diterajui oleh MAMPU.
- *To plan, develop, maintain and implement application systems across agencies led by MAMPU.*
- Merancang, membangun, menyenggara dan melaksanakan sistem aplikasi generik.
- *To plan, develop, maintain and implement generic application systems.*
- Merancang, membangun, menyenggara dan melaksanakan sistem aplikasi berasaskan perisian sumber terbuka.
- *To plan, develop, maintain and implement application systems based on open source software.*
- Mengurusetikan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) MAMPU.
- *As a secretariat of MAMPU ICT Steering Committee Meeting (JPICT).*
- Menyedia, menyelaras, menyenggara dan melaksanakan perkhidmatan dan bantuan teknikal untuk infrastruktur dan sokongan ICT MAMPU.
- *To provide, coordinate, maintain and implement technical services and assistance for MAMPU ICT infrastructure and support.*



**GAMMA**  
Galeri Aplikasi Mudah Alih Kerajaan Malaysia  
(Gallery of Malaysian Government Mobile Applications)



URL Portal:  
<http://gamma.malaysia.gov.my>

 Aplikasi Mudah Alih:  
GAMMA.my

 **197** Aplikasi di GAMMA

 **2.1 Juta** Muat turun aplikasi

 **Global mobileGov Awards**  
8-9 May 2017  
Brighton, United Kingdom

**MOBILEGOV SPECIAL RECOGNITION**  
"EXCELLENCE IN DESIGNING  
THE FUTURE OF eGOVERNMENT"

**GAMMA Platform**



**Galeri Aplikasi Mudah Alih Kerajaan Malaysia**

-  Mudah & pantas
-  Mesra pengguna
-  Percuma
-  Menyokong Pelbagai peranti & platform

**GAMMA AppGen**



**Penjana Aplikasi Mudah Alih**

-  Pembangunan aplikasi dengan langkah mudah
-  Pengujian secara real-time
-  Perkongsian aplikasi
-  Mudah diselenggara
-  Forum Perbincangan

**Kandungan Digital Kerajaan Terus ke Peranti Pintar Anda**


-  Pembangunan aplikasi mudah alih dengan Appgen
-  Mencipta, mengemaskini, mengurus
-  Paparan di Galeri aplikasi Mudah Alih Kerajaan Malaysia (GAMMA)
-  Lengkap dengan pautan ke iOS, Android dan Windows Phone.
-  Diiktiraf dan mudah diakses

# BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERKHIDMATAN GUNASAMA INFRASTRUKTUR DAN KESELAMATAN ICT (BPG)

## ICT INFRASTRUCTURE SHARED SERVICES AND SECURITY DEVELOPMENT DIVISION

- Merancang, melaksana, mengurus dan memantau perkhidmatan Rangkaian Luas 1Gov\*Net, *Putrajaya Campus Network (PCN)*, Putra Wi-Fi bagi agensi sektor awam dan rangkaian setempat bagi MAMPU.
- *To plan, implement, manage and monitor the 1Gov\*Net Broadband service, Putrajaya Campus Network (PCN), Putra Wi-Fi for public sector agencies and local network for MAMPU.*
- Merancang, melaksana, mengurus dan memantau operasi perkhidmatan Pusat Data Sektor Awam dan *Disaster Recovery Centre (DRC)* Sektor Awam.
- *To plan, implement, manage and monitor the operation of Public Sector Data Centre service and Public Sector Disaster Recovery Centre (DRC).*
- Merancang, melaksana, mengurus dan memantau pengurusan keselamatan ICT sektor awam.
- *To plan, implement, manage and monitor the management of public sector ICT security.*
- Merancang, melaksana, mengurus dan memantau operasi perkhidmatan meja bantuan bagi perkhidmatan gunasama ICT sektor awam.
- *To plan, implement, manage and monitor the operation of help desk service for public sector ICT shared service.*
- Merancang, melaksana, mengurus dan memantau khidmat nasihat teknikal bagi pengurusan ICT kepada agensi sektor awam khususnya dalam pengurusan infrastruktur dan keselamatan ICT.
- *To plan, implement, manage and monitor the technical advice service for ICT management to the public sector specifically pertaining to the management of security and infrastructure of ICT.*
- Merancang, melaksana, mengurus dan memantau inspektorat pematuhan ICT ke atas agensi sektor awam.
- *To plan, execute, manage and monitor the ICT inspectorate compliance by public sector agencies.*
- Merancang, melaksana, mengurus dan memantau operasi *Computer Emergency Response Team (CERT)* bagi sektor awam.
- *To plan, implement, manage and monitor the operation of Computer Emergency Response Team (CERT) for public sector.*
- Merancang, melaksana, mengurus dan memantau integrasi dan konsolidasi sistem perkhidmatan ICT.
- *To plan, implement, manage and monitor the integration and consolidation of ICT service system.*

1GovUC adalah perkhidmatan komunikasi dan kolaborasi bersepadu yang diuruskan secara berpusat di MAMPU. Perkhidmatan ini menggabungkan saluran-saluran komunikasi e-mel, persidangan video dan audio, *instant messaging* serta Sistem Pengurusan Identiti.



## MAMPU SARAWAK

### MAMPU SARAWAK

- Merancang dan melaksanakan program khidmat nasihat dan rundingan mengenai pelaksanaan program pembangunan organisasi, pembangunan pengurusan, transformasi dan inovasi serta pematuhan dan pengiktirafan bagi agensi-agensi awam di negeri Sarawak.
- *To plan and conduct advisory and consultancy programmes pertaining to the implementation of organisational development, management development, transformation and innovation as well as compliance and recognition programmes for the public agencies in Sarawak.*
- Melaksanakan pemantauan dan penilaian terhadap pencapaian pelaksanaan pembangunan organisasi, pembangunan pengurusan, transformasi dan inovasi serta pematuhan dan pengiktirafan bagi agensi-agensi awam di negeri Sarawak.
- *To conduct monitoring and evaluation on the achievement of the implementation of organisational development, management development, transformation and innovation as well as compliance and recognition for the public agencies in Sarawak.*

## MAMPU SABAH

### MAMPU SABAH

- Merancang dan melaksanakan program khidmat nasihat dan rundingan mengenai pelaksanaan program pembangunan organisasi, pembangunan pengurusan, transformasi dan inovasi serta pematuhan dan pengiktirafan bagi agensi-agensi awam di negeri Sabah.
- *To plan and conduct advisory and consultancy programmes pertaining to the implementation of organisational development, management development, transformation and innovation as well as compliance and recognition programmes for the public agencies in Sabah.*
- Melaksanakan pemantauan dan penilaian terhadap pencapaian pelaksanaan pembangunan organisasi, pembangunan pengurusan, transformasi dan inovasi serta pematuhan dan pengiktirafan bagi agensi-agensi awam di negeri Sabah.
- *To conduct monitoring and evaluation on the achievement of the implementation of organisational development, management development, transformation and innovation as well as compliance and recognition for the public agencies in Sabah.*



## UNIT INTEGRITI


### INTEGRITY UNIT

- Merancang dan melaksanakan program bagi memastikan pembudayaan, penginstitutionan dan pelaksanaan integriti dalam organisasi dilaksanakan secara berterusan.
  - *To plan and conduct programmes to ensure integrity acculturation, institutionalization and implementation within the organization is consistently implemented.*
- Menerima dan menyelaras tindakan ke atas semua aduan/maklumat salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi.
  - *To accept and coordinate action upon every complaint/information of criminal misconduct as well as violation of organisation's ethic and code of conduct.*
- Mengesan dan mengesahkan aduan salah laku jenayah serta menyelaras tindakan susulan yang sewajarnya.
  - *To detect and confirm any complaint on criminal misconduct as well as coordinate any suitable course of action.*
- Melaporkan salah laku jenayah yang telah berlaku kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab.
  - *To report any criminal misconduct that took place to the relevant authority.*
- Merancang dan melaksanakan program bagi memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa.
  - *To plan and carry out programmes that promotes adherence to the laws and regulations enforced at the time being.*
- Merancang dan melaksanakan program bagi memastikan tadbir urus yang baik dilaksanakan.
  - *To plan and carry out programmes in order to ensure the implementation of good governance.*
- Melaksanakan fungsi urus setia Lembaga Tata tertib MAMPU.
  - *To act as the secretariat to MAMPU Disciplinary Board*

## UNIT KPI

### KPI UNIT

- Memantapkan imej MAMPU melalui pengurusan petunjuk prestasi utama (KPI) yang mantap dan cemerlang.
  - *To enhance the image of MAMPU through steadfast and excellent Key Performance Index (KPI) Management.*
- Meningkatkan mutu dan kualiti pencapaian KPI melalui penyediaan KPI utama MAMPU yang komprehensif.
  - *To improve the quality of KPI achievement via comprehensive preparation.*
- Menyelaras dan memantau sasaran KPI melalui hubungan baik dengan semua pegawai focal point KPI MAMPU.
  - *To coordinate and supervise KPI targets through good relation with all MAMPU KPI focal point officer.*
- Menyediakan Laporan Bulanan Pencapaian KPI YB Menteri kepada PEMANDU melalui Sistem Dashboard PEMANDU.
  - *To prepare Minister's Monthly KPI Accomplishment Report to PEMANDU via PEMANDU Dashboard System.*
- Menyelaras laporan kemajuan KPI MAMPU untuk pembentangan YB Menteri kepada YAB Perdana Menteri bagi sesi Kajian Pertengahan Tahun dan Sesi Akhir Tahun.
  - *To coordinate MAMPU KPI Progress Report for presentation to the Prime Minister by the Minister during Mid Term Review Session and Year End Review Session.*
- Menganalisis perkara-perkara berbangkit dalam Mesyuarat Pengurusan Kanan MAMPU (MPKM) dan Mesyuarat Pengurusan MAMPU (MPM) yang mempunyai kaitan secara langsung dengan KPI MAMPU.
  - *To analyse any arising matter in MAMPU Top Management Meeting (MPKM) and MAMPU Management Meeting (MPM) that is directly related to KPI.*
- Menyelaras perhubungan antara YB Menteri dan PEMANDU, Ketua Pengarah dan JPA serta jabatan/agensi lain bagi urusan Key Performance Indicator (KPI) MAMPU.
  - *To coordinate the connection between the Minister and PEMANDU, Director General of MAMPU and JPA as well as other agencies pertaining to MAMPU Key Performance Index.*



MEMPELOPORI GAPURA KONSULTAN  
PENGURUSAN TERSEKOR  
PIONEERING THE STATUS OF  
LEADING MANAGEMENT  
CONSULTANT

### Sesi Dialog Transformasi Nasional 2050 (TN50) YAB Perdana Menteri bersama Penjawat Awam

#### *The Honourable Prime Minister 2050 National Transformation Dialog (TN50) with the Civil Servant*



Sesi Dialog Transformasi Nasional 2050 (TN50) YAB Perdana Menteri Bersama-sama Penjawat Awam telah diadakan pada 31 Mei 2017 di Dewan Utama, Kementerian Kewangan Malaysia. Sesi dialog tersebut telah dihadiri oleh penjawat awam yang melebihi 1000 orang termasuk tetamu-tetamu kenamaan dan wakil media. Sesi ini telah dianjurkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) bersama-sama agensi peneraju TN50 iaitu Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Sesi Dialog TN50 ini bertujuan untuk mendapatkan input berbentuk pandangan, cadangan dan aspirasi penjawat awam mengenai Malaysia menjelang tahun 2050. YBhg. Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa, Ketua Setiausaha Negara telah berperanan sebagai moderator bagi sesi dialog YAB Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia bersama-sama penjawat awam.

Dalam sesi dialog ini, seramai 27 peserta telah mengemukakan pandangan, idea, aspirasi,

*The Honourable Prime Minister 2050 National Transformation Dialog (TN50) with the Civil Servant session was held on the 31st May 2017 at the Main Hall of Ministry of Finance Malaysia and it was attended by more than 1,000 civil servants including distinguished guests and media representatives. The session was organised by Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit (MAMPU) in collaboration with other agencies who spearheaded the TN50 campaign namely the Ministry of Youth and Sports (KBS), Economic Planning Unit (EPU) and Public Service Department (JPA).*

*The session held was meant to serve as a platform of obtaining views in the form of opinions, suggestions and to grasp the aspiration of the civil servant towards Malaysia in 2050. The Chief Secretary to the Government, YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, acted as the moderator between the civil servants and the Prime Minister, YAB Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak for the said session.*

*During the dialog session, 27 civil servants were able to directly cast their perspective, ideas,*

pandangan dan soalan kepada YAB Perdana Menteri secara langsung dan sebanyak 50 aspirasi telah berjaya dikumpulkan. Di samping itu, 56 lagi aspirasi turut berjaya dikumpul melalui post-it-wall. Input daripada penjawat awam ini telah dianalisis dan disintesis serta dikemukakan kepada KBS untuk diangkat kepada YAB Perdana Menteri.

Selain itu, MAMPU telah membangunkan secara dalaman sebuah Portal TN50 Penjawat Awam (<http://www.tn50.pmo.gov.my>) bagi membolehkan penjawat awam mengutarakan idea dan aspirasi mereka dalam usaha membentuk Malaysia menjadi antara negara teratas di tangga dunia dalam ekonomi, kesejahteraan rakyat dan inovasi menjelang tahun 2050.



*aspiration, views and questions to the honourable Prime Minister and in return, 50 aspirations were noted down. In addition to that, a separate 56 aspirations were also collected through post-it-wall method. These inputs were later on analysed and synthesised and presented to KBS before the report ascent to the Prime Minister.*

*In conjunction with the session held, MAMPU also took the initiative to develop a Civil Servant TN50 Portal (<http://www.tn50.pmo.gov.my>) that enables the whole public sector to propose their ideas and aspiration in the Government's effort to place Malaysia among the top nations in terms of economic, welfare and innovation towards 2050.*



## **Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM) 2017**

### ***Prime Minister Innovation Award (AIPM) 2017***

Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM) 2017 telah dianjurkan pada 7 November 2017 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) dan disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia. Tema AIPM pada tahun 2017 ialah "Inovasi Menunjangi Aspirasi TN50". Tema ini adalah selari dengan usaha untuk menyemarakkan aspirasi TN50 di kalangan penjawat awam. Objektif program tersebut dianjurkan adalah untuk mengiktiraf penghasilan inovasi yang signifikan dan berimpak tinggi serta membolehkan kerajaan memberi pengiktirafan kepada inovasi yang menyeluruh atau menyumbang kepada penghasilan ekonomi negara berpendapatan tinggi.

Di peringkat pertama pengiktirafan, Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM) merupakan anugerah terunggul sektor awam bagi menghargai inisiatif inovasi berimpak tinggi yang membawa hadiah wang tunai berjumlah RM1 juta, trofi dan sijil. AIPM turut mengiktiraf penerima tempat kedua dan ketiga dengan ganjaran wang tunai masing-masing berjumlah RM300,000 dan RM200,000 berserta sijil.

*The Prime Minister Innovation Award (AIPM) 2017 was successfully held on the 7th November 2017 at the Putrajaya International Convention Centre (PICC) and was launched by YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, the Prime Minister of Malaysia. The theme of 2017 AIPM "Inovasi Menunjangi Aspirasi TN50" was adopted in parallel to the effort of the Government to embellish TN50 aspiration among civil servants. The objective of the programme was to recognised the creation of innovations that was significant and high impact, comprehensive and contributed to a high-income economic nation building.*

*AIPM 2017 graciously award the grand winner of the night with a trophy and a certificate of highest recognition for innovation in public sector, proven to be most impactful, along with RM1,000,000.00 worth of cash. On the other hand, the first and second runner-up went home with RM300,000.00 and RM200,000.00 and a certificate respectively.*



**Senarai Penerima AIPM 2017**

**AIPM 2017 List of Winner**

**Penerima Tempat Pertama:**

Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp) – Mass Rapid Transit (MRT): Ikonografi Tadbir Urus Pengurusan Projek Ideal

**Grand Winner :**

Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp) – Mass Rapid Transit (MRT): Ikonografi Tadbir Urus Pengurusan Projek Ideal

**Penerima Tempat Kedua:**

Kementerian Pendidikan Tinggi – Soaring Upwards: Memartabatkan Sistem Pendidikan Tinggi Negara Di Persada Global

**First Runner Up :**

Kementerian Pendidikan Tinggi – Soaring Upwards: Memartabatkan Sistem Pendidikan Tinggi Negara Di Persada Global

**Penerima Tempat Ketiga:**

Kementerian Pendidikan Malaysia dan Yayasan Amir – Sekolah Amanah Melengkapai Transformasi Pendidikan Negara

**Second Runner Up :**

Kementerian Pendidikan Malaysia dan Yayasan Amir – Sekolah Amanah Melengkapai Transformasi Pendidikan Negara



## Majlis Pelancaran Portal MalaysiaBiz dan Pelantikan Rakan Informasi Lesen (RIL) Negeri Sarawak Di Bawah Program Berimpak Tinggi 1 Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME HIP 1) Tahun 2017

### *Sarawak MalaysiaBiz Portal Launching Ceremony and License Information Buddy (RIL) Appointment under the Small Medium Enterprise High Impact Programme 1 (SME HIP 1) 2017*



Majlis Pelancaran Portal MalaysiaBiz dan Pelantikan Rakan Informasi Lesen (RIL) Negeri Sarawak telah diadakan pada 8 Ogos 2017 bertempat di Auditorium, INTAN Sarawak. Objektif majlis ini ialah:

- Melancarkan Portal MalaysiaBiz Negeri Sarawak;
- Mengiklirif sumbangan Rakan Informasi Lesen (RIL), Pihak Berkuasa Melesen (PBM) di Negeri Sarawak; dan
- Mempromosikan Portal MalaysiaBiz di kalangan komuniti perniagaan di Negeri Sarawak.

Seramai kira-kira 350 orang peserta yang terdiri daripada Pihak Berkuasa Melesen, Rakan Informasi Lesen dan komuniti perniagaan telah menghadiri majlis tersebut. Majlis yang dilancarkan oleh YB Datuk Joseph Entulu Belaun, Menteri di Jabatan Perdana Menteri ini turut dihadiri oleh YB Encik Malcolm Mussen Anak Lamoh, Menteri Muda Pembangunan Perindustrian Sarawak. Tetamu kehormat lain yang hadir termasuklah YBhg, Dato' Dr. Mazlan Yusoff, Ketua Pengarah MAMPU; YBhg. Dato' Haji Mansor Bin Man, Setiausaha Persekutuan Sarawak dan Datuk (Dr.) Hafsah Hashim, Ketua Eksekutif SME Corporation Malaysia (SME Corp. Malaysia). Agensi-agensi yang menyediakan perkhidmatan dan kemudahan berkaitan dengan perniagaan seperti MIETI Sarawak, SME Corp. Malaysia, Malaysia Productivity Corporation (MPC) dan MAMPU juga telah membuka booth pameran bagi mempromosikan produk serta memperkenalkan inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh agensi masing-masing sepanjang majlis tersebut berlangsung.

*The Sarawak MalaysiaBiz Portal Launching Ceremony and License Information Buddy (RIL) Appointment was held on the 8th August 2017 at INTAN Sarawak Auditorium. The objective of the ceremony was:*

- To launch Sarawak MalaysiaBiz Portal;*
- To recognise the contribution of License Information Buddy (RIL), Licensing Authority (PBM) in Sarawak; and*
- To promote MalaysiaBiz Portal to the Business Community in Sarawak.*

*The ceremony was attended by around 350 attendees comprising of Licensing Authorities, License Information Buddy (RIL), Business Community and also attending the ceremony was YB Malcolm Mussen Anak Lamoh, Deputy Minister of Sarawak Industrial Development. It was launched by YB Datuk Joseph Entulu Belaun, Minister at the Prime Minister Department and other distinguished guests who were present at the ceremony were YBhg. Dato' Dr. Mazlan Yusoff, Director General of MAMPU, YBhg. Dato' Haji Mansor Bin Man, Federal Secretary of Sarawak and Datuk (Dr.) Hafsah Hashim, Chief Executive Officer (CEO) of SME Corporation Malaysia (SME Corp. Malaysia). Other agencies in which provide services and facilities in business field such as MIETI Sarawak, SME Corp. Malaysia, Malaysia Productivity Corporation (MPC) and MAMPU were also present and had their respective booths set up to promote their products and introduce their initiatives throughout the ceremony.*

## **Majlis Pelancaran Portal MalaysiaBiz dan Pelantikan Rakan Informasi Lesen (RIL) Negeri Sabah Di Bawah Program Berimpak Tinggi 1 Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME HIP 1) Tahun 2017**

### ***Sabah MalaysiaBiz Portal Launching Ceremony and License Information Buddy (RIL) Appointment under the Small Medium Enterprise High Impact Programme 1 (SME HIP 1) 2017***

Majlis Pelancaran Portal MalaysiaBiz dan Pelantikan Rakan Informasi Lesen (RIL) Negeri Sabah telah diadakan pada 25 Julai 2017 bertempat di Auditorium, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah. Objektif majlis ini ialah:

- melancarkan Portal MalaysiaBiz Negeri Sabah;
- mengikfira sumbangan Rakan Informasi Lesen (RIL), Pihak Berkuasa Melesen (PBM) di Negeri Sabah; dan
- mempromosikan Portal MalaysiaBiz di kalangan Komuniti Perniagaan di Negeri Sabah.

Pelaksanaan Program Berimpak Tinggi 1 Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME HIP1) di Negeri Sabah telah mendapat sokongan penuh daripada Kerajaan Negeri Sabah melalui kerjasama strategik dengan Kementerian Pembangunan Perindustrian (MID) Negeri Sabah. Agensi-agensi lain yang turut membantu pelaksanaan SME HIP1 di Negeri Sabah ialah Jabatan Pendidikan Negeri Sabah dan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Kampus Sabah. Ini terbukti dengan kejayaan penganjuran Bengkel Kerja Pengumpulan dan Verifikasi Maklumat Pendaftaran dan Pelesenan Perniagaan yang membolehkan semua PBM di negeri Sabah berkongsi maklumat ke dalam Portal MalaysiaBiz.

*The Sabah MalaysiaBiz Portal Launching Ceremony and License Information Buddy (RIL) Appointment was held on the 25th July 2017 at Sabah Federal Government Administration Complex Auditorium. The objectives of the ceremony was:*

- To launch Sabah MalaysiaBiz Portal;*
- To recognise the contribution of License Information Buddy (RIL), Licensing Authority (PBM) in Sabah; and*
- To promote MalaysiaBiz Portal to the Business Community in Sabah.*

*The implementation of Small Medium Enterprise High Impact Project 1 in Sabah received full support from Sabah State Government via strategic cooperation with Sabah Ministry of Industrial Development. Other agencies who also aided the implementation of SME HIP 1 in Sabah were Sabah State Education Department and INTAN Sabah. The success of organising the Collection and Verification of Business Registration and License Information Workshop was very apparent given the fact that the organiser was able to involve all PBM in Sabah to share their information with MalaysiaBiz Portal.*



## Sesi Pengurusan Perubahan Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) di 6 Zon

### *Innovation and Creative Group (KIK) New Horizon Change Management Session at 6 Zone*

Sesi Pengurusan Perubahan Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) di 6 zon telah dilaksanakan pada 17 Januari hingga 21 Februari 2017 di Putrajaya, Kuala Terengganu, Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Sabah dan Sarawak. Objektif program ini ialah untuk menyebar luas intipati Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam (PTPA) Panduan Pembudayaan dan Pemerkasaan Inovasi dalam Sektor Awam Melalui Horizon Baharu KIK dan menjelaskan peranan setiap individu dan kumpulan yang akan terlibat dalam pelaksanaan panduan berkenaan.

*The Innovation and Creative Group (KIK) New Horizon Change Management Session at 6 Zone was conducted from 17th January 2017 to 21 February 2017 at Putrajaya, Kuala Terengganu, Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Sabah and Sarawak. The objective of this program is to spread the fundamentals of Civil Administration Transformation Circular (PTPA) for Innovation Acculturation Empowerment Guideline within the Civil Service through KIK New Horizon and to further explain the role of each individual and group involved with the implementation of the aforesaid guideline.*



## Mesyuarat Panel Merakyatkan Perkhidmatan Awam (MPA) Bil. 1 Tahun 2017

### *Humanising Public Service Panel Meeting (MPA) Vol. 1/2017*

Mesyuarat Panel Merakyatkan Perkhidmatan Awam (MPA) Bilangan 1 Tahun 2017 telah diadakan pada 20 April 2017 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri. Mesyuarat Panel Merakyatkan Perkhidmatan Awam yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN) ini bertindak sebagai mekanisme tadbir urus pemerkasaan keupayaan institusi dan pemantapan kapasiti agensi sektor awam.

*The Humanising Public Service Panel Meeting (MPA) Vol. 1/2017 was held on 20th April 2017 at the Main Meeting Room, Cabinet, Constitution and inter-Government Relation Division, Prime Minister Department. The Panel Meeting, chaired by the Chief Secretary to the Government of Malaysia, acts as a mechanism of Institutional capability empowerment governance and public sector agency capacity stabilisation.*

Mesyuarat ini telah dihadiri oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Ketua Audit Negara, Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua-Ketua Pengarah Agensi Pusat atau wakil, Timbalan-

*The attendees of the meeting comprised of of Director- General of Public Service, Secretary General of various Ministries and Director General of Central Agencies or their respective representatives, Deputies Director General of MAMPU, ICT Chief Consultants and various*

Timbalan Ketua Pengarah MAMPU, Ketua Perunding ICT dan Pengarah-Pengarah Bahagian atau wakil masing-masing.

*Directors of Division of MAMPU or their respective representatives.*

Sebanyak 3 kertas pertimbangan (2 daripada MAMPU dan 1 daripada MAMPU secara bersama dengan Unit Perancang Ekonomi - EPU) dan 1 kertas makluman daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah dibentangkan semasa mesyuarat tersebut. Kesemua kertas pembentangan tersebut memfokuskan kepada aspek kreativiti dan inovasi termasuk pemanfaatan ICT di samping pewujudan mekanisme penarafan dan pengiktirafan pada setiap peringkat pentadbiran. Ia bertujuan untuk mentransformasikan sistem penyampaian perkhidmatan awam dan seterusnya memastikan perkhidmatan awam berada pada landasan yang betul dan mempunyai keberhasilan yang jitu.

*Apart from that, 3 papers for consideration (being 2 papers from MAMPU and 1 paper from MAMPU and EPU) and 1 paper to inform from the Ministry of Housing and Local Government were presented during the meeting. All of these papers presented were focused on the aspect of creativity and innovation that included the benefits of ICT as well as rating and recognition mechanisms at all administrative levels. The purpose of these papers presentation was to transform the public service delivery system and to ensure that the public service is on the right track.*



### **Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Pemodenan Pentadbiran Awam (JPPPA)** ***Coordination of Public Administration Modernisation Committee Meeting (JPPPA)***

Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Pemodenan Pentadbiran Awam (JPPPA) Bilangan 1 Tahun 2017 telah diadakan pada 22 Mei 2017 di Langkawi, Kedah manakala Mesyuarat JPPPA Bilangan 2 Tahun 2017 telah diadakan pada 13 November 2017 di Kuantan, Pahang.

*Coordination of Public Administration Modernisation Committee Meeting (JPPPA) Vol.1/2017 was held on 22nd May 2017 at Langkawi, Kedah while JPPPA Meeting Vol. 2/2017 was held on 13th November 2017 at Kuantan, Pahang.*

Mesyuarat ini diadakan sebagai sebahagian daripada inisiatif MAMPU dalam usaha memodenkan jentera pentadbiran awam dan meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah MAMPU ini turut dihadiri oleh Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha Kementerian, Timbalan-timbalan Ketua Pengarah, Timbalan-timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pengarah-pengarah bahagian di MAMPU.

*The meeting is taken to be part of MAMPU's initiative in modernising the machinery of public administration and to increase the effectiveness of the Government's service delivery system. The meetings were chaired by the Director General of MAMPU and were attended by Deputy General Secretaries of various Ministries, Deputy Director Generals, Deputy State Secretaries and Directors of Divisions under MAMPU.*

Sebanyak 12 kertas pertimbangan/makluman telah dibentangkan semasa Mesyuarat JPPPA Bilangan 1 Tahun 2017. Selain mesyuarat,

*Furthermore, a total of 12 papers for consideration and to inform were presented during the JPPPA Meeting Vol.1/2017.*

*Aside from the said meeting, the Administration of Kedah State Secretary was kind enough to organise a visit for the committee during their free time as an*

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah turut mengaturkan aktiviti lawatan sebagai salah satu pengisian semasa berlangsungnya program ini. Tujuan utama aktiviti lawatan adalah untuk memberi nilai tambah kepada ahli mesyuarat sepanjang program tersebut.

Seterusnya, sebanyak 6 kertas pertimbangan telah dibentangkan semasa Mesyuarat JPPPA Bilangan 2 Tahun 2017. Di samping itu, sebanyak 6 kertas makluman juga turut diedarkan kepada ahli mesyuarat. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang telah menganjurkan aktiviti lawatan ke Sungai Lembing, Pahang selepas mesyuarat selesai dilaksanakan. Turut sama diadakan adalah program lawatan PUSPANITA anjuran PUSPANITA Negeri Pahang dan PUSPANITA Cawangan Kecil MAMPU ke Kampung Budaya Pulau Keladi, Pekan Pahang pada 12 November 2017.

*added value to the whole programme.*

*On the other hand, a number of 6 papers for consideration were presented during the JPPPA Meeting Vol.2/2017. In addition to that, another 6 papers to inform were circulated among the Committee during the said meeting. During the Committee stay in Pahang, the Administration of Pahang State Secretary and PUSPANITA Pahang together with PUSPANITA MAMPU small branch was also kind enough to organise a visit to Sungai Lembing, Pahang and Kampung Budaya Pulau Keladi, Pekan, Pahang after the meeting had ended on the 12th November 2017.*



## **Penilaian Indeks Penarafan Bintang (Indeks SSR) MAMPU 2017**

### ***MAMPU Star Rating Index (SSR) Evaluation 2017***

Penilaian Indeks Penarafan Bintang (Indeks SSR) MAMPU 2017 oleh Penilai Bebas telah dilaksanakan pada 26 hingga 28 September 2017 di MAMPU Sarawak. Penilaian Indeks SSR pada tahun 2017 telah dilaksanakan sepenuhnya secara dalam talian menggunakan aplikasi mySSR. Pelaksanaan penilaian SSR secara atas talian tersebut telah memberikan dimensi baharu yang lebih dinamik, telus, efektif, *real time* dan mesra pengguna. Kaedah penilaian seumpama ini turut memberikan nilai tambah kepada keberkesanan transformasi perkhidmatan yang melangkaui sempadan fizikal dan berteraskan elemen digital. Penilaian Penarafan Bintang ke atas MAMPU turut menyantuni objektif yang berikut:

- a. Menilai dan mengukur prestasi agensi sektor awam berfokuskan keberhasilan, berorientasikan pelanggan dan berlandaskan aspirasi *stakeholders*;
- b. Memperkasakan elemen transformasi dan inovasi sebagai budaya kecemerlangan agensi; dan

*MAMPU Star Rating Index (SSR) 2017 was conducted by an Independent Evaluator from 26th to 28th September 2017 at MAMPU Sarawak. The SSR Index Evaluation for the year of 2017 was fully conducted online via MySSR application and it had provided a new dimension of evaluation that is more dynamic, transparent, effective, real time and user-friendly. This method of evaluation also gave an added value to the effectiveness of service transformation which transcends physical boundaries and based on digital elements. Furthermore, the SSR Evaluation conducted upon MAMPU also serves to contribute to the following objectives :*

- a. *To evaluate and measure the performance of public sector agencies based on the outcome, customer oriented and compliant to the stakeholder's aspiration;*
- b. *To strengthen the element of Transformation and Innovation as an agency's culture of excellence; and*

c. Memberi pengiktirafan secara formal kepada agensi-agensis cemerlang.

c. To formally recognise excellent agencies.

MAMPU berjaya mengekalkan kedudukan di tangga kecemerlangan berdasarkan penilaian yang telah dilaksanakan.

*At the end of the evaluation, MAMPU was successful at retaining it's position as an excellent agency.*



### **Seminar Perancangan Strategik MAMPU Tahun 2016/2017**

#### ***MAMPU Strategic Planning Seminar 2016/2017***

Seminar Perancangan Strategik MAMPU 2016/2017 telah diadakan pada 17 hingga 18 Februari 2017 di Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT), Bandar Enstek, Negeri Sembilan telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Dr. Mazlan Yusoff yang baru sahaja dilantik sebagai Ketua Pengarah MAMPU pada waktu tersebut. Ia merupakan platform pertama untuk YBhg. Dato' Dr. Mazlan Yusoff selaku Ketua Pengarah MAMPU yang baharu untuk menetapkan aspirasi dan hala tuju baharu MAMPU untuk tahun 2017.

*MAMPU Strategic Planning Seminar 2016/2017 was held on 17th till 18th February 2017 at the Academy of Higher Education Leadership (AKEPT), Bandar Enstek, Negeri Sembilan and was chaired by the newly appointed Director General of MAMPU, YBhg. Dato' Dr. Mazlan Yusoff. It was his first platform as a Director General of MAMPU to define the aspiration and the direction of new MAMPU for the year of 2017.*

Seramai 91 orang pegawai yang terdiri daripada Timbalan-timbalan Ketua Pengarah, Ketua-ketua Perunding ICT, Pengarah-pengarah Bahagian, Timbalan-timbalan Pengarah Bahagian, Pegawai KPI dan Penyelaras-penyelaras Sektor untuk sistem MyPrestasi telah menyertai seminar ini.

*The Seminar was attended by 91 officers of which comprised of Deputy Director Generals, ICT Chief Consultants, Directors of Division, Deputy Directors of Division, KPI Officer and Sector Coordinator for MyPrestasi System.*

Antara pengisian utama seminar adalah pembentangan analisis pencapaian keseluruhan MAMPU bagi tahun 2016 dan penajarian semula projek-projek dibawah SKT MAMPU 2017 mengikut Model 4 Kuadran yang telah diilhamkan oleh YBhg. Dato' Dr. Ketua Pengarah MAMPU.

*Among of the key points highlighted during the seminar were the presentation of MAMPU overall achievement analysis for the year of 2016 and the realignment of projects under the MAMPU 2017 KPI in accordance to the 4 Quadrant Model that was inspired by the Director General of MAMPU.*



## **Seminar Perancangan Strategik (Kajian Separuh Penggal) MAMPU 2017**

### ***MAMPU Strategic Planning (Mid Term Review) Seminar 2017***

Seminar Perancangan Strategik (Kajian Separuh Penggal) MAMPU 2017 telah diadakan pada 26 Ogos 2017 di Kampus INTAN Wilayah Utara (INTURA), Sungai Petani, Kedah. Seminar ini dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Dr. Ketua Pengarah MAMPU dan dihadiri oleh seramai 88 orang pegawai yang terdiri daripada Timbalan-timbalan Ketua Pengarah, Ketua-ketua Perunding ICT, Pengarah-pengarah Bahagian, Timbalan-timbalan Pengarah Bahagian, Pegawai KPI dan Penyelaras-penyelaras Sektor untuk sistem MyPrestasi. Tujuan seminar ini adalah untuk melaporkan prestasi pencapaian keseluruhan MAMPU bagi separuh penggal tahun 2017 dan menetapkan hala tuju strategik baharu MAMPU bagi separuh penggal kedua tahun 2017.

*MAMPU Strategic Planning (Mid Term Review) Seminar 2017 was held on 26th August 2017 at INTAN Wilayah Utara (INTURA) Campus, Sungai Petani, Kedah. The Seminar was chaired by the Honourable Director General of MAMPU and was attended by 88 officers which was comprised of Deputy Director Generals, ICT Chief Consultants, Directors of Division, Deputy Directors of Division, KPI Officer and Sector Coordinator for MyPrestasi System. The main objective of this Seminar was to report the overall achievement of MAMPU for the first half of 2017 and to set the strategic direction of MAMPU for the second half of 2017.*



## **Seminar Perancangan Hala Tuju MAMPU 2018**

### ***MAMPU Direction Planning 2018 Seminar***

Seminar Perancangan Hala Tuju MAMPU 2018 telah diadakan pada 7 Disember 2017 di INTAN Kampus Utama, Bukit Kiara, Kuala Lumpur. Seminar ini dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Dr. Ketua Pengarah MAMPU dan dihadiri oleh seramai 91 orang pegawai yang terdiri daripada Timbalan-timbalan Ketua Pengarah, Ketua-ketua Perunding ICT, Pengarah-pengarah Bahagian, Timbalan-timbalan Pengarah Bahagian, Focal Point dan Subject Matter Expert (SME) bagi setiap sektor/bahagian di MAMPU. Objektif seminar ini adalah untuk mengenal pasti pelaksanaan projek/program/aktiviti baharu dan sedia ada pada tahun 2018 yang berupaya memberi impak yang lebih besar dan memenuhi ekspektasi stakeholders serta menetapkan hala tuju strategik baharu mengikut keutamaan MAMPU bagi tahun 2018.

*MAMPU Direction Planning 2018 Seminar was held on 7th December 2017 at INTAN Main Campus, Bukit Kiara, Kuala Lumpur and was chaired by the Honourable Director General of MAMPU. The Seminar was also attended by 91 MAMPU officers namely Deputy Director Generals, ICT Chief Consultants, Division Directors, Deputy Directors, Focal Point and Subject Matter Expert (SME) for every sector/division at MAMPU. Moreover, the objective of the seminar was to identify which of the project/programme/activity implementation for 2018 is capable of generating higher impact thus fulfilling stakeholders expectation while setting new strategic direction based on MAMPU's priority in 2018.*

## Program Pemantapan Sistem Pengurusan Kualiti Bersepadu MAMPU

### *MAMPU Integrated Quality Management System Consolidation Programme*

Program Pemantapan Sistem Pengurusan Kualiti Bersepadu MAMPU telah diadakan pada 5 hingga 8 Februari 2017 di INTAN Kampus Wilayah Selatan, Kluang, Johor. Objektif program ini ialah:

- Mengkaji pendekatan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) Bersepadu MAMPU yang baharu berasaskan versi MS ISO 9001:2015, MS ISO/IEC 27001:2013 (*Information Security Management System, ISMS*) dan MS ISO 22301 (*Business Continuity Management System, BCMS*).
- Mengenal pasti semua proses dan aktiviti yang terlibat dengan SPK Bersepadu MAMPU;
- Mengkaji semula objektif kualiti MAMPU melalui penyelarasan dengan Piagam Pelanggan MAMPU;
- Memantapkan semula semua proses dalam SPK Bersepadu MAMPU; dan
- Sebagai mempersiapkan MAMPU untuk dipersijilkan standard MS ISO 9001:2015, MS ISO/IEC 27001:2013 dan MS ISO 22301 pada pertengahan 2017.

Seramai 40 orang ahli pasukan kerja yang telah dilantik, terdiri daripada Pegawai ISO, Pasukan BCMS, Pasukan ISMS dan Pasukan Kerja telah menghadiri program ini untuk menghasilkan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) Bersepadu MAMPU.

*MAMPU Integrated Quality Management System Consolidation Programme was held from 5th to 8th February 2017 at South INTAN Campus, Kluang, Johor. The objectives of this program was:*

- To study the approach of the new MAMPU Integrated Quality Management System (SPK) in compliance to MS ISO 9001:2015, MS ISO/IEC 27001:2013 (Information Security Management System, ISMS) and MS ISO 22301 (Business Continuity Management System, BCMS);*
- To identify all processes and activities involved with MAMPU Consolidated SPK;*
- To study MAMPU Objective Qualities through the coordination with MAMPU Clients Charter.*
- To consolidate all processes involved in MAMPU integrated SPK; and*
- As part of MAMPU's preparation for the certification of MS ISO 9001:2015 standard, MS ISO/IEC 27001:2013 and MS ISO 22301 in the mid of 2017.*

*The programme was attended by 40 duly appointed working committee which was comprised of ISO Officer, BCMS team, ISMS team and Task Force in order to develop MAMPU Integrated Quality Management System.*



# JALINAN KERJASAMA

## RESULT THROUGH PARTNERSHIP

---

### **Business Process Re-engineering (BPR) Proses Penyediaan Tapak Projek Pembangunan Sistem Pengairan Tersier Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)**

#### ***Business Process Re-engineering of Muda Agricultural Development Association (MADA) Project Site Preparation Development for Tertiary Irrigation System***

Bahagian Perundingan Pengurusan 1, MAMPU telah diberi tanggungjawab untuk membuat kajian penambahbaikan proses penyediaan tapak untuk memantapkan pengurusan projek tersebut melalui kerjasama erat pihak Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian dan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA). Objektif utama projek Pembangunan Sistem Pengairan Tersier di bawah program NKEA Pertanian EPP 10 di kawasan Muda adalah untuk meningkatkan kepadatan infrastruktur pengairan dan saliran (termasuk jalan ladang) daripada 11m/ha kepada 30m/ha bagi 128 blok pengairan sekunder (keluasan 61,569 hektar dan melibatkan 33,690 lot tanah) yang belum mempunyai kemudahan infrastruktur pengairan peringkat tersier. Walau bagaimanapun, kemajuan pelaksanaannya sangat perlahan telah menyebabkan mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Public Service Delivery Transformation (PSDT) Bil. 2 Tahun 2014 telah memutuskan agar pihak MAMPU membantu pihak yang terlibat bagi mengenal pasti masalah yang timbul dan mengemukakan cadangan penyelesaian berkaitan dengan projek tersebut.

Susulan kepada penelitian ke atas masalah tersebut, satu Bengkel Proses Penyediaan Tapak Projek Pembangunan Sistem Pengairan Tersier, MADA telah diadakan dari 3 - 5 Mei 2017 yang bertujuan bagi mendapatkan input pegawai dan kakitangan yang terlibat dalam projek tersebut disamping mengenal pasti isu-isu yang menjadi halangan utama dalam melicinkan proses penyediaan tapak bagi kegunaan projek tersebut yang telah dimulakan semenjak tahun 2011. Hasil dari bengkel tersebut, beberapa cadangan penambahbaikan telah dikemukakan kepada pihak yang terlibat bagi memperkukuhkan kecekapan proses penyediaan tapak tersebut.

*Management Consultation 1 Division under MAMPU was given the task to study for rooms of improvement on project site preparation process so as to strengthen the management of such project through close cooperation between MADA and Land and Mines Director General Office. The main objective of the said Tertiary Irrigation System situated in Muda under NKEA Agriculture EPP 10 is meant to increase the density of irrigation and drainage infrastructure (including farm roads) from 11m/ha to 30m/ha for 128 blocks of secondary irrigation (involving 61,569 hectares of land, equivalent to 33,690 plots of land) of which are yet to possess any tertiary stage irrigation infrastructure. Due to the slow progress of the project's implementation, the members of Jawatankuasa Pemandu Public Service Delivery Transformation (PSDT) Meeting Bil.2 Tahn 2014 had decided that MAMPU was required to assist the relevant parties involved in order for them to identify the source of the issue and to promote any kind of solution that may help them resolve such issue.*

*Upon thorough examination of the issue at hand, a workshop for the Preparation of Tertiary Irrigation System Project Site Process, MADA was held from 3rd to 5th of May 2017 with the aim of obtaining inputs from the staffs and officer involved with the project and at the same time, narrowing issues which may become major obstruction in refining the very process of site preparation for this project which commenced since 2011. As a result from the said workshop, few improvements were suggested to the parties involved to strengthen the efficiency of the process.*

## **Semakan Semula Akta dan Perundangan bagi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)**

### ***The Review of Laws and Acts for Public Land Transport Commission (SPAD) and Malaysian Communications and Multimedia Commission (SKMM)***

Selaras dengan keputusan Mesyuarat Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan (KSUKP), MAMPU dengan Malaysia Productivity Corporation (MPC) telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan penyemakan semula akta dan perundangan bagi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mengenai semakan semula peraturan dan perundangan dengan pelaksanaan Regulatory Impact Analysis (RIA) selaras dengan Pekeliling Am Bil.1 Tahun 2013, Dasar Negara bagi Pembangunan dan Pelaksanaan Peraturan. Sehubungan dengan itu, Bahagian Perundingan Pengurusan 1, MAMPU dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan penyemakan ini dalam isu berhubung perkhidmatan Uber dan GrabCar. Lanjutan daripada itu, Bengkel Training of Trainers (TOT) Semakan Peraturan dan Perundangan akan dilaksanakan bagi membantu kementerian dan agensi membangunkan dasar dan garis panduan untuk memastikan kualiti peraturan-peraturan yang baharu.

*In parallel to the decision made in the Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan (KSUKP) Meeting, MAMPU and Malaysia Productivity Corporation (MPC) was entrusted to conduct a review on the laws and Acts associated to the Public Land Transport Commission (SPAD) and Malaysia Communication and Multimedia Commission (SKMM). The review required the use of Regulatory Impact Analysis (RIA) in compliance to the General Order Vol.1/2013, National Policy for Development and Rule Implementation that involve reviewing the rules and laws being enforced at the time being. As such, MAMPU Consultation Management 1 Division was tasked to look review such laws and regulations in regards to the service of Uber and Grabcar. In further of this, Training of Trainers Workshop for laws and regulations review will be held with the aim of helping other ministries and agencies to erect policies and guidelines in ensuring the quality of such new rules imposed.*

## **Pembangunan Garis Panduan Perancangan Senario Sektor Awam**

### ***The Development of Public Sector Scenario Planning Guideline***

MAMPU bersama-sama dengan Unit Penyampaian Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri telah ditugaskan untuk memastikan kementerian/agensi dilengkapi dengan keupayaan perancangan senario. Sehubungan dengan itu, Bahagian Perundingan Pengurusan 1 dengan kerjasama MyForesight yang merupakan agensi di bawah MIGHT telah melaksanakan beberapa siri perbincangan dan libat urus bagi membangunkan Garis Panduan Perancangan Senario Sektor Awam sebagai rujukan agensi-agensi awam dalam melaksanakan perancangan senario masing-masing.

*In collaboration with Public Service Delivery Unit, Prime Minister Department, MAMPU was entrusted with the task of ensuring that each ministry and agency is well equipped with scenario planning capability. In order for JPA and MAMPU to materialise this goal, Management Consultation 1 Division with the cooperation of MyForesight, an agency under MIGHT, had organised discussions and engagements to develop a Public Service Scenario Planning Guideline as a reference to the public sector agencies in implementing their own scenario planning.*

## **Program *Re-visit* Lesen dan Permit Agensi Persekutuan** ***Federal Agent License and Permit Re-Visit Programme***

Selaras dengan keputusan Mesyuarat PEMUDAH pada tahun 2016 yang memutuskan agar lesen dan permit agensi persekutuan yang telah direkayasa pada tahun 2012 disemak semula, MAMPU dengan kerjasama Malaysia Productivity Corporation (MPC) dan BLESS, Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri telah melaksanakan sesi libat urus berkaitan lesen dan permit agensi persekutuan pada 8 hingga 15 Mei 2017. Sesi ini diadakan untuk mengenal pasti isu dan masalah yang dihadapi oleh agensi yang belum mengautomasi senarai lesen dan permit ke dalam sistem Business Licensing Electronic Support System (BLESS). Program turun padang bagi kementerian-kementerian terpilih telah diadakan pada 12 dan 13 Disember 2017 bersama wakil-wakil daripada Kementerian Dalam Negeri dan Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri.

*In conjunction with the decision made in the PEMUDAH Meeting that was held in 2016, whereby every federal agencies license and permit engineered in 2012 was required to be reviewed, MAMPU, together with MPC and BLESS of ICU conducted an engagement session on the 8th till 15th May 2017. The session was held with the aim of identifying issues and problems faced by agencies that has yet to automate the list of license and permit into the Business Licensing and Electronic Support System (BLESS). Engagement programmes with selected ministries was held on the 12th and 13th December 2017; involving representatives from the Home Ministry and Implementation Coordination Unit (ICU), Prime Minister's Department.*

## **JPANS WITH U** ***JPANS WITH U***

Program JPANS WITH U merupakan kolaborasi antara Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pentadbiran), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah, Kementerian Pembangunan Luar Bandar Negeri Sabah, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Sabah, MAMPU dan Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah. Program ini telah berlangsung sepanjang bulan Januari hingga Oktober 2017 di jabatan/agensi di seluruh Sabah. Tujuan program ini adalah untuk meningkatkan produktiviti pengurusan organisasi merangkumi pengurusan kaunter, pengurusan integriti, pembudayaan kreativiti dan inovasi; dan pengurusan kebersihan dan keceriaan pejabat. MAMPU Sabah telah dilantik sebagai Ketua Panel Penilai dan Panel Penilai khusus kepada pengurusan kaunter. Hasil daripada program ini, ia telah meningkatkan kecemerlangan perkhidmatan awam di Negeri Sabah sejajar dengan matlamat YAB Perdana Menteri untuk menjadikan Tahun 2017 sebagai Tahun Penyampaian.

*JPANS With U was a collaboration programme between several agencies namely Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pentadbiran), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah, Kementerian Pembangunan Luar Bandar Negeri Sabah, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Sabah, MAMPU dan Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah. The programme took place from January untill October 2017 and was implemented throughout all departments and agencies in Sabah. The objective of the programme was to elevate the productivity of organisation's management which involved counter management, integrity management, acculturation of creativity and innovation, office hygenic and happiness aspect. MAMPU Sabah was appointed as the head of the evaluation panel and special panel for counter management. As a result of the said programme, it had elevated the excellence of public service delivery in Sabah in respond to our YAB Prime Minister's message; 2017 as the "Year of Delivery".*



## **Mesyuarat dan Sesi Latihan Berkaitan Kolaborasi NBOS MAMPU dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam (PTPA) Panduan Penyediaan Fail Meja**

### ***MAMPU and JPA NBOS Collaboration Meetings and Sessions through PTPA Table File Preparation Guideline***

Mesyuarat dan sesi latihan ini telah diadakan pada 7 Februari, 2 Mac, 3 dan 27 April 2017 di MAMPU dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Objektif mesyuarat dan sesi latihan ini bertujuan menambah baik PTPA Panduan Penyediaan Fail Meja dengan memasukkan Deskripsi Tugas sebagai kandungan baharu dan untuk memberi kefahaman berkaitan Deskripsi Tugas. Mesyuarat dan sesi latihan telah dihadiri oleh pegawai-pegawai dari BPP dan BKP, MAMPU serta Bahagian Pembangunan Organisasi (BPO), JPA.


Melalui kolaborasi NBOS antara MAMPU dan JPA melalui Deskripsi Tugas, Fail Meja akan dimantapkan sebagai satu dokumen rujukan yang mempunyai maklumat pewujudan sesuatu jawatan dan panduan menjalankan tugas bagi jawatan tersebut. Fail Meja secara keseluruhannya akan menyumbang kepada Profil Sumber Manusia Sektor Awam yang meliputi aspek pengurusan dan pembangunan sumber manusia seperti pembangunan organisasi, hal-hal perkhidmatan seperti urusan pengambilan, pelantikan, penempatan, perancangan kemajuan kerjaya dan pelan penggantian. Perancangan latihan dan pembangunan kompetensi turut dapat disediakan dengan lebih komprehensif. Draf PTPA Panduan Penyediaan Fail Meja disediakan dengan memperkenalkan Deskripsi Tugas sebagai kandungan baharu yang akan mentransformasikan Fail Meja sebagai Profil Sumber Manusia Sektor Awam.

*A few meetings and training sessions were on the 7th February 2017, 2nd March 2017, 3rd and 27th April 2017 at MAMPU and JPA office. The objective of the meetings and trainings was to improve then current PTPA Table File Preparation Guideline by inserting Job Description as a new content and to angle of understanding towards the Job Description. The meetings and sessions were attended by officers from BPP and BKD, MAMPU and BPO, JPA.*

*Through NBOS Collaboration between MAMPU and JPA via Job Description, the Table File was strengthen as a reference that contains the information as the very reason that laid the foundation of a position and the full description of what to do. Overall, the Table File will contribute to the Public Sector Human Resource Profile in which includes managements and human resource development aspects such as organisational development, service affairs such as recruitment affairs, appointment, placement, career advancement planning and replacement plan. Training and competency development will also be prepared in a detailed manner. The introduction of PTPA Table File Preparation Guideline as a new content will most definitely aid in transforming the Table File as a Public Sector Human Resource Profile.*

# KHIDMAT PERUNDINGAN

Sepanjang tahun 2017, Bahagian Perundingan ICT telah memberikan khidmat perundingan berkaitan projek-projek ICT kepada agensi-agensi sektor awam. Khidmat perundingan yang diberikan adalah dalam aspek pengurusan projek, pembangunan sistem, pengurusan keselamatan maklumat, pelaksanaan integrasi dan pelaksanaan migrasi data. Senarai khidmat perundingan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:





### JABATAN TENAGA KERJA, KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx)

Objektif:

- pembangunan sistem ePPAx;
- pelaksanaan migrasi data daripada sistem ePPA ke sistem ePPAx;
- perundingan pelaksanaan integrasi data daripada sistem myIMMS ke sistem ePPAx; dan
- pengurusan keselamatan maklumat.

Outcome:

- pembangunan sistem ePPAx dapat memenuhi keperluan dan jadual pelaksanaan yang ditetapkan; dan
- Sistem ePPAx juga dapat beroperasi menggunakan data yang telah dimigrasi.



### PERBADANAN ASET KERETAPI (RAC) Migrasi Data Sistem Railways Assets Intelligent System (RAILS)

Objektif:

- memberi khidmat perundingan dalam aspek pelaksanaan migrasi data daripada kaedah manual ke sistem RAILS ; dan
- memberi khidmat perundingan dalam aspek dalam aspek pengurusan keselamatan maklumat.

Outcome:

Sistem RAILS dapat beroperasi menggunakan data yang telah dimigrasi.




### KEMENTERIAN DALAM NEGERI DAN JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA Projek Advanced Passenger Screening System (APSS)

Objektif:

Memberikan khidmat perundingan dalam bidang pengurusan projek, pembangunan sistem, pengurusan pangkalan data, pengurusan rangkaian, pengurusan pusat data dan pengurusan keselamatan maklumat bagi memastikan projek APSS menepati skop, tempoh dan kualiti yang ditetapkan.

Outcome:

Hasil khidmat perundingan telah membantu ke arah penggubalan Perjanjian Konsesi yang lebih menyeluruh dan teratur mengambil kira semua aspek yang perlu dipertimbangkan.



### KEMENTERIAN LUAR NEGERI Pembangunan Sistem e-Protocol Fasa II

Objektif:


Memberikan khidmat perundingan bagi pembangunan Sistem e-Protocol dan menyemak dokumentasi yang berkaitan pembangunan Sistem e-Protocol.

Outcome:

Tahap penyampaian perkhidmatan Jabatan Protokol dapat ditingkatkan dengan mewujudkan pangkalan data secara berpusat bagi melancarkan pengurusan permohonan dan perkongsian maklumat.

## CONSULTANCY SERVICES

In 2017, ICT Consultancy Division has provided consultancy services regarding ICT projects to other government agencies. These consultancy services include projek management, system development, information security management, integration implementation and data migration implementation. The following were the list of consultancy services conducted by ICT Cosultancy Division:





**DEPARTMENT OF LABOUR, MINISTRY OF HUMAN RESOURCES**  
**Integrated Foreign Workers Management System (ePPAx)**

Objective:

- a. development of ePPAx system;
- b. data migration implementation from ePPA system to ePPAx system;
- c. data migration implementation consultation from myIMMS system to ePPAx system; and
- d. information security management.

Outcome:

- a. the development of ePPAx system can meet the implementation requirements and schedule ; and
- b. ePPAx system can operate using the migrated data.



**RAILWAY ASSETS CORPORATION (RAC)**  
**Railways Assets Intelligent System (RAILS) Data Migration**

Objective:

- a. to provide consultancy services in data migration implementation from manual to RAILS system; and
- b. to provide consultancy services in information security management.

Outcome:

RAILS system can operate using the migrated data.




**MINISTRY OF HOME AFFAIRS AND IMMIGRATION DEPARTMENT OF MALAYSIA**  
**Advanced Passenger Screening System (APSS) Project**

Objective:

To provide consultancy services in project management, system development, database management, network management, data centre management and information security management to ensure that the APSS project meets the scope, duration and quality required.

Outcome:

Assist in the formulation of a more comprehensive concession agreement.



**MINISTRY OF FOREIGN AFFAIRS**  
**e-Protocol Phase II System Development**

Objective:

To provide consultancy services for the development of e-Protocol System and to review the documentation related to the development of e-Protocol System.

Outcome:

The level of service delivery of the Department of Protocol can be enhanced by creating a centralised database in order to ease application management and information sharing.



MEMPERHEBAT AGENDA  
PENDIGITALAN KERAJAAN  
EMPOWERING THE GOVERNMENT'S  
DIGITALISATION AGENDA

**Public Sector CIO Convex (PSCC) 2017**  
*Public Sector CIO Convex (PSCC) 2017*



Public Sector CIO Convex (PSCC) 2017 telah diadakan pada 5 dan 6 Oktober 2017 di Dewan Sri Siantan, Kompleks Perbadanan Putrajaya. Objektif program ini adalah untuk:

- mengarusperdanakan Kerajaan Digital dalam penawaran perkhidmatan kerajaan;
- melancarkan inisiatif ICT Sektor Awam ke arah mengutamakan digital berpaksikan rakyat;
- menghargai komitmen dan kecemerlangan agensi kerajaan dalam melaksanakan inisiatif ICT; dan
- menyediakan peluang kolaborasi antara agensi kerajaan, akademik serta sektor swasta di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Persidangan yang dikhususkan sebagai platform untuk Chief Information Officer (CIO) agensi, rakan strategik dari industri dan pakar-pakar tempatan dan antarabangsa bersama-sama meneroka transformasi digital dan membicarakan perkhidmatan ICT Sektor Awam secara menyeluruh ini telah dihadiri seramai 1099 orang peserta.

Pengiktirafan kepada 32 agensi yang melaksanakan DDMS 2.0 juga telah diberikan semasa persidangan ini sebagai galakan kepada agensi untuk terus menyemarakkan penggunaan DDMS 2.0 di agensi masing-masing.

*Public Sector CIO Convex (PSCC) 2017 was held on 5th and 6th October 2017 at Sri Siantan Hall, Putrajaya Corporation Complex. The objectives of the programme were:*

- to spur Digital Government in government's services;*
- to launch Public Sector ICT initiatives towards prioritizing citizen-centred digital;*
- to recognise agencies' commitment and excellence in implementing ICT initiatives; and*
- to provide opportunities for collaboration between government agencies, academia and private sector at local and international levels.*

*The conference which aimed as a platform for government agencies' Chief Information Officer (CIO), strategic partners from industries as well as local and international experts to come together to explore digital transformation and to discuss about public sector ICT services in detail, was attended by 1099 people.*

*Recognition to 32 agencies implementing DDMS 2.0 were also awarded during the conference as an encouragement to the agencies in using DDMS 2.0.*

## Hackathon Data Terbuka 2017

### Open Data Hackathon 2017

Hackathon Data Terbuka 2017 telah diadakan pada 11 hingga 13 September 2017 di Malaysian Global Innovation & Creativity Centre (MaGIC), Cyberjaya. Objektif program ini ialah:

- Menyediakan platform untuk penciptaan produk data yang kreatif dan berinovasi;
- Memanfaatkan keupayaan data terbuka dalam penghasilan produk; dan
- Menggalakkan inovasi data terbuka dalam penyampaian perkhidmatan awam.

Program ini telah disertai oleh penjawat awam, industri, universiti awam dan swasta serta pelajar sekolah menengah. Pada penghujung program ini, sebanyak 39 aplikasi inovatif dan kreatif telah berjaya dibangunkan dengan menggunakan data terbuka bagi kegunaan rakyat. Program ini juga telah meningkatkan perkongsian dan penggunaan data terbuka di kalangan penjawat awam, industri, akademik dan rakyat selain melahirkan idea baharu dalam usaha menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan dengan memanfaatkan data yang telus, mampan dan lengkap. Sebanyak empat (4) bidang fokus pembangunan aplikasi juga telah berjaya dilaksanakan iaitu *Travellers Experience Innovation*, *Innovation With Nature*, *How Do You Build A Smarter City* dan *Spark A Smart Change For Vulnerable*.

Open Data Hackathon 2017 was held on 11th to 13th September 2017 at Malaysian Global Innovation & Creativity Centre (MaGIC), Cyberjaya. The objectives of the programme were:

- to provide a platform for creative and innovative product data creation;
- to utilise the capabilities of open data in product manufacturing; and
- to encourage open data innovation in public service delivery.

This programme was attended by civil servants, industries, public and private universities as well as secondary school students. At the end of the programme, 39 innovative and creative applications have been developed using open data for the benefit of the people. This programme also increased the sharing and usage of open data among civil servants, industries, academia and the people besides producing new ideas in improving service delivery system by utilising transparent, sustainable and complete data. Four (4) focus areas of application development have also been successfully implemented, namely *Travellers Experience Innovation*, *Innovation With Nature*, *How Do You Build A Smarter City* and *Spark A Smart Change For Vulnerable*.



## Seminar Kerajaan Digital Untuk Agensi-Agensi Persekutuan Sarawak 2017

### *Digital Government Seminar For Sarawak Federal Agencies 2017*

Seminar Kerajaan Digital Untuk Agensi-Agensi Persekutuan Sarawak 2017 telah diadakan pada 28 September 2017 di Auditorium Tingkat 17, Bangunan Sultan Iskandar, Kuching. Seminar tersebut dianjurkan untuk meningkatkan pengetahuan mengenai Kerajaan Digital dan seterusnya menjadi pemangkin kepada penglibatan semua agensi dan jabatan, baik di peringkat Kerajaan Negeri mahupun agensi Persekutuan di Negeri Sarawak dalam pelaksanaan kerajaan digital. Seramai 188 orang peserta, daripada agensi-agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan di Negeri Sarawak telah menghadiri seminar ini.

4 orang penceramah daripada Bahagian Kerajaan Digital, MAMPU telah berkongsikan topik-topik berikut:

- Pelan Pendigitalan Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan (oleh En Turidi Mat);
- Mentransformasikan Penyampaian Perkhidmatan: Program Berpacuan Data - Analitis Data Raya (oleh YBrs. Dr Yusminar Yunus);
- Data Terbuka Sektor Awam (oleh Tn Hj Mohd Ariffin Adimin); dan
- Hab Perkongsian Maklumat Kerajaan dan National Registries (oleh Pn Rohada Zainudin).

Secara keseluruhannya, seminar ini telah mendapat maklum balas positif daripada para peserta. Sesi kesedaran dan perkongsian kepakaran berkenaan bidang Kerajaan Digital dan seumpamanya diharapkan dapat diperluaskan lagi pada masa akan datang.

*Digital Government Seminar For Sarawak Federal Agencies 2017 was held on 28th September 2017 at Auditorium Level 17, Sultan Iskandar Building, Kuching. The seminar was held to enhance knowledge on Digital Government and as a catalyst for the involvement of all agencies and departments, both at the State Government level and Sarawak Federal Agencies level in the implementation of digital government. The seminar was attended by 188 participants from Sarawak State and Federal Agencies.*

*4 speakers from Government Digital Division, MAMPU shared the following topics:*

- Government Service Delivery Digitalisation Plan (by Mr. Turidi Mat);*
- Service Delivery Transformation: Data Driven Programme – Data Analytics (by Dr. Yusminar Yunus);*
- Public Sector Open Data (by Mr Mohd Ariffin Adimin); and*
- Government Information Sharing Hub and National Registries (by Mrs. Rohada Zainudin).*

*Overall, the seminar received positive feedbacks from the participants. Awareness and expertise sharing sessions regarding Government Digital are expected to be more extensive in the future.*



## Pelaksanaan Libat Urus Pemusatan Pengurusan dan Pengoperasian ICT Sektor Awam

### *Public Sector ICT Management and Operational Centralisation Engagement Session*



Objektif Program Pelaksanaan Libat Urus Pemusatan Pengurusan dan Pengoperasian ICT Sektor Awam diadakan adalah untuk:

- Memberi penerangan berhubung keputusan Jemaah Menteri dan mendapatkan maklum balas yang memberi impak ke atas keputusan Jemaah Menteri tersebut;
- Mendapatkan sokongan, kerjasama dan keterlibatan (*ownership*) Pengurusan Tertinggi kementerian/agensi, ahli-ahli persatuan/kesatuan dan pihak-pihak berkaitan dalam pelaksanaan pemusatan ICT; dan
- Berkongsi maklumat pemusatan ICT Sektor Awam mengikut perspektif dan bidang kuasa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Libat urus Pengurusan Tertinggi MAMPU dan JPA bersama warga Sektor ICT MAMPU telah diadakan pada 21 April 2017 di Auditorium JPM, Blok B1, Kompleks Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya. Program tersebut telah dihadiri oleh pegawai-pegawai daripada klasifikasi perkhidmatan F daripada MAMPU.

Libat urus Pengurusan Tertinggi MAMPU dan JPA bersama warga kerja MAMPU telah diadakan pada 2 Mei 2017 bertempat di Dewan Kristal, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Presint 4, Putrajaya.

*The objectives of the Public Sector ICT Management and Operational Centralisation Engagement Session were:*

- to provide explanations regarding the Cabinet's decision and to obtain feedback that impacts the decisions of the Cabinet;*
- to obtain support, cooperation and involvement (ownership) from the top management of the ministries/agencies, members of the associations/associations and related parties in the implementation of ICT centralisation; and*
- to share information on Public Sector ICT centralisation based on the perspectives and authority of the Public Service Department (JPA).*

*Engagement session between the top management of MAMPU and JPA with the ICT Sector of MAMPU was held on 21st April 2017 at JPM Auditorium, Block B1, Prime Minister's Department Complex, Putrajaya. The programme was attended by the F Scheme officers from MAMPU.*

*It was followed by an engagement session between the top management of MAMPU and JPA with MAMPU staff on 2nd May 2017 at Kristal Hall, Ministry of Housing and Local Government, Precinct 4, Putrajaya.*

Libat urus Pengurusan Tertinggi MAMPU dan JPA bersama pegawai klasifikasi perkhidmatan F telah diadakan pada 16 Mei 2017 di Dewan Serbaguna, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia, Presint 4, Putrajaya. Program tersebut telah dihadiri oleh Ahli Persatuan Juruanalisa Sistem (PERJASA). Sesi yang sama turut diadakan bersama Kesatuan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (KPPTM) dan Kesatuan Kakitangan Skim Juruteknik Komputer (CTSU) pada 1 Jun 2017 di Dewan Kristal, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Presint 4, Putrajaya.

Libat urus Pengurusan Tertinggi MAMPU dan JPA bersama Pengurusan Tertinggi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah diadakan pada 2 Jun 2017 bertempat di KKM, Kompleks E, Putrajaya. Manakala sesi libat urus bersama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah diadakan pada 6 Jun 2017 bertempat di KPM, Kompleks E, Putrajaya.

Libat urus Pengurusan Tertinggi MAMPU dan JPA bersama Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah diadakan 14 Jun 2017 di Jabatan Perdana Menteri, Blok B8, Kompleks Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.

Libat urus Pengurusan Tertinggi MAMPU dan JPA bersama Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah diadakan pada 16 Jun 2017 bertempat di KDN, Kompleks D, Putrajaya.

Antara hasil yang diperolehi daripada kesemua sesi libat urus ini adalah:

- a. Pengurusan Tertinggi kementerian/agensi, ahli-ahli PERJASA, KPPTM dan CTSU menyambut baik dan menyokong pelaksanaan Pemusatan Pengurusan dan Pengoperasian ICT Sektor Awam;
- b. Perancangan dan hala tuju projek ICT kementerian masih di bawah tanggungjawab kementerian dan perlu diselaraskan dengan Pelan Strategik ICT Sektor Awam;
- c. Kaedah perolehan projek ICT di kementerian dilaksanakan mengikut peraturan sedia ada;
- d. Perancangan perjawatan oleh kementerian hendaklah melalui MAMPU sebagai Ketua Perkhidmatan ICT Sektor Awam; dan
- e. Aspirasi pemusatan ICT adalah untuk membangunkan kepakaran personel mengikut kluster supaya kepakaran sedia ada berupaya membantu agensi dalam bidang kepakaran berkaitan.

*Engagement session between the top management of MAMPU and JPA with the F Scheme officers was held on 16th May 2017 at Multipurpose Hall, Ministry of Agriculture and Agro-Based Industry, Precint 4, Putrajaya. The programme was attended by the members of the System Analyst Association (PERJASA). The same session was also held with the Assistant Information Technology Officers Union (KPPTM) and Computer Technician Scheme Union (CSTU) on 1st June 2017 at Kristal Hall, Ministry of Housing and Local Government, Precint 4, Putrajaya.*

*Engagement session between the top management of MAMPU and JPA with the top management of the Ministry of Health (KKM) was held on 2nd June 2017 at KKM, Complex E, Putrajaya. Meanwhile, engagement session with the Ministry of Education (KPM) was held on 6th June 2017 at KPM, Complex E, Putrajaya.*

*Engagement session between the top management of MAMPU and JPA with the Prime Minister's Department (JPM) was held on 14th June 2017 at the Prime Minister's Department, Block B8, Prime Minister's Department Complex.*

*Engagement session between the top management of MAMPU and JPA with the Ministry of Home Affairs (KDN) was held on 16th June 2017 at KDN, Complex D, Putrajaya.*

*Among the results obtained from these engagement sessions were:*

- a. *the top management of the ministries/agencies, members of PERJASA, KPPTM and CSTU welcome and support the implementation of Public Sector ICT Management and Operational centralisation;*
- b. *the planning and direction of the ministries' ICT projects are still under the responsibility of the ministries and should be coordinated with the Public Sector ICT Strategic Plan;*
- c. *the procurement of ICT projects at the ministries should be made according to the existing regulations;*
- d. *Personnel planning by the ministries should be through MAMPU as the Head of the Public Sector ICT Services;*
- e. *The aspiration of the ICT centralisation is to develop personnel expertise according to clusters so that the expertise available can assist agencies based on the areas of relevant expertise.*

## **Bengkel Visi Hab Perkongsian Maklumat Kerajaan dan National Registries** ***Government Information Sharing Hub and National Registries Vision Workshop***

Bengkel Visi Hab Perkongsian Maklumat Kerajaan dan *National Registries* telah diadakan pada 6 hingga 7 Februari 2017 bertempat di Hotel Le Méridien, Putrajaya. Objektif bengkel ini diadakan adalah untuk:

- Menentukan dan memuktamadkan hala tuju penglibatan agensi dalam pelaksanaan Hab Perkongsian Maklumat Kerajaan dan National Registries;
- Mengenal pasti risiko atau isu perubahan berkaitan elemen individu yang mungkin wujud dan langkah-langkah menanganinya; dan
- Memastikan mesej disampaikan melalui saluran dan mengikut jadual yang bersesuaian.

Input daripada bengkel yang dihadiri oleh pegawai-pegawai MAMPU dan agensi-agensi lain ini digunakan dalam persediaan untuk sesi latihan kemahiran insaniah, acara team building dan juga membentuk pelan komunikasi.

*Government Information Sharing Hub and National Registries Vision Workshop was held on 6th to 7th February 2017 at Le Meridien Hotel, Putrajaya. The objectives of the workshop were:*

- To determine and finalise the direction of agencies' involvement in Government Information Sharing Hub and National Registries;*
- To identify the risks or issues relating to individual elements that may exist and ways to overcome them; and*
- To ensure that messages are delivered through a channel and according to an appropriate schedule.*

*The inputs received from the workshop attended by officers from MAMPU and other agencies were used in the preparation for soft skills training session, team building and in developing communication plans.*

## **Bengkel Pelan Tindakan Peningkatan Online Service Index (OSI) di dalam United Nation E-Government Development Index (UNEGDI)**

### ***Online Service Index (OSI) Improvement in the United Nation E-Government Development Index (UNEGDI) Action Plan Workshop***



Bengkel Pelan Tindakan Peningkatan Online Service Index (OSI) di dalam United Nation E-Government Development Index (UNEGDI) telah diadakan pada 17 hingga 18 Januari 2017 bertempat di Blok B1, Kompleks Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya. Bengkel ini memberikan fokus kepada cadangan Pelaksanaan Pelan Tindakan Transformasi Digital Kerajaan yang telah disediakan bagi memastikan pelan tindakan ini difahami untuk merancang pelan pelaksanaan di agensi. Selain itu, bengkel ini juga bertujuan untuk mendapatkan komitmen agensi bagi melaksanakan pelan tindakan ini serta mengumpulkan maklumat mengenai inisiatif/perkhidmatan Kerajaan Digital dan seterusnya melaksanakan Pelan Komunikasi. Seramai 56 orang peserta yang terdiri daripada Pengurus ICT dan pegawai daripada kementerian/negeri telah menyertai bengkel ini.



*Online Service Index (OSI) Improvement in the United Nation E-Government Development Index (UNEGDI) Action Plan Workshop was held on 17th to 18th January 2017 at Block B1, Prime Minister's Department Complex, Putrajaya. The workshop focused on the proposed implementation of the Government Digital Transformation Action Plan that was prepared to ensure that the action plan was understood before planning for implementation plan at agencies. Besides that, the workshop also aimed to get commitment from the agencies to implement the action plan as well as to collect information on Digital Government initiatives/services in order to implement a Communication Plan. A total of 56 people comprising ICT Managers and officials from the ministries/states attended the workshop.*

Bengkel yang dianjurkan ini telah dilaksanakan dengan jayanya dan mendapat sambutan yang menggalakkan dalam kalangan Pengurus ICT dan pegawai di kementerian/negeri/agensi. Bengkel ini juga telah membantu peserta menambah pengetahuan mengenai Pelan Tindakan Transformasi Kerajaan Digital. Hasil dapatan daripada bengkel ini telah digunakan untuk penambahbaikan dalam pelan tindakan tersebut serta maklumat inisiatif/perkhidmatan yang dikemukakan oleh kementerian/negeri/agensi telah dipaparkan dalam Portal myGovernment [www.malaysia.gov.my](http://www.malaysia.gov.my) sebagai persediaan penilaian UNEGDI yang dilaksanakan mulai Julai 2017. Usaha ini adalah persediaan negara untuk mencapai kedudukan Malaysia pada tangga ke-30 pada tahun 2018 dan tangga ke-15 pada tahun 2020 bagi sub-komponen OSI.

*The workshop was executed successfully and received encouraging response from the ICT Managers and officials from the ministries/states/agencies. The workshop also helped participants to increase their knowledge on the Government Digital Transformation Action Plan. The results of this workshop were the action plan had been improved and the information on initiatives/services submitted by ministries/state/agencies had been posted on myGovernment Portal ([www.malaysia.gov.my](http://www.malaysia.gov.my)) as a preparation in the UNEGDI assessments starting on July 2017. This effort is the country's preparation to make sure that Malaysia ranks in the top 30 in 2018 and top 15 in 2020 for OSI sub-component.*

## **Malaysia Open Data User Group (MODUG) 2017**

### **Malaysia Open Data User Group (MODUG) 2017**

Malaysia Open Data User Group (MODUG) 2017 telah diadakan pada 14 November 2017 di Dewan Perdana Nur, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Putrajaya. Objektif program ini ialah:

- Meningkatkan penglibatan rakyat bagi mendapatkan maklum balas daripada komuniti dan rakyat berkaitan data terbuka.
- Menyediakan platform untuk menghubungkan agensi pemilik data dengan pelbagai kategori pengguna data.
- Meningkatkan kualiti set data yang diterbitkan ke arah on demand data dan granular data.
- Menggalakkan pemilik data menerbitkan data berkualiti berdasarkan keperluan pengguna.

Program ini disertai oleh agensi kerajaan, industri, akademik dan pertubuhan bukan kerajaan. Antara hasil yang diperolehi daripada program ini ialah:

- Mengenalpasti keperluan data yang diperlukan oleh pengguna
- Mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh pemilik/pembekal data bagi memenuhi permintaan data
- Pelan tindakan dan langkah-langkah bagi mengenal pasti peranan dan tanggungjawab agensi dan pengguna dalam meningkatkan kuantiti dan kualiti data.

*Malaysia Open Data User Group (MODUG) 2017 was held on 14th November 2017 at Perdana Nur Hall, Ministry of Women, Family and Community Development, Putrajaya. The objectives of the programme were:*

- to increase the involvement of the people in order to obtain feedback from the community regarding open data;*
- to provide a platform for data owners to communicate with various categories of data users;*
- to improve the quality of data sets that were published towards on demand data and granular data; and*
- to encourage data owners to publish quality data based on users' needs.*

*This programme was participated by government agencies, industries, academia and non government organisations. Among the results obtained from this programme were:*

- data requirements as required by users were identified;*
- challenges faced by data owners/providers were identified in order to fulfil data request; and*
- action plan and ways to identify the roles and responsibilities of agencies and users in increasing the quantity and quality of data were generated.*



## Seminar Prasarana Kunci Awam Kerajaan *Government Public Key Infrastructure (GPKI) Seminar*



Seminar Prasarana Kunci Awam Kerajaan (Government Public Key Infrastructure – GPKI) telah diadakan sebanyak 2 kali iaitu di Zon Selatan dan Zon Utara. Seminar GPKI Zon Selatan telah diadakan pada 27 Mac 2017 di Hotel Grand BlueWave, Johor Bahru. Manakala Seminar GPKI Zon Utara telah diadakan di Hotel Pure, Sungai Petani, Kedah. Objektif seminar ialah:

- a. Meningkatkan kefahaman dan pengetahuan mengenai akta dan dasar perkhidmatan GPKI;
- b. Memberi pendedahan dan maklumat berkaitan transformasi dan status semasa GPKI; dan
- c. Membantu menyelesaikan masalah pengguna berkaitan sistem GPKI dan sijil digital melalui sesi klinik.

Seminar yang dihadiri oleh seramai 136 peserta di Zon Selatan dan 137 peserta di Zon Utara ini telah meningkatkan kesedaran mengenai penggunaan GPKI. Hasil daripada seminar ini juga, aduan dan masalah berkaitan sistem GPKI dan sijil digital telah berkurangan.

*Government Public Key Infrastructure (GPKI) Seminar was held twice at the South Zone and the North Zone. South Zone GPKI Seminar was held on 27th March 2017 at Grand BlueWave Hotel, Johor Bahru. Meanwhile, North Zone GPKI Seminar was held at Pure Hotel, Sungai Petani, Kedah. The objectives of the seminar were:*

- a. to increase the understanding and knowledge of GPKI act and service policy;*
- b. to give exposure and information regarding GPKI transformation and current status; and*
- c. to assist in solving users' problem related to GPKI system and digital certificate through clinic sessions.*

*The seminar which was attended by 136 participants in the South Zone and 137 participants in the North Zone managed to increase awareness on the usage of GPKI. As a result of this seminar, complaints and problems related to GPKI system and digital certificate had been reduced.*



## Lawatan Turun Padang Ketua Pengarah MAMPU ke Projek Peluasan Pusat Data Sektor Awam di Kulim, Kedah

### *Director-General of MAMPU's Site Visit To Public Sector Data Centre Extension Project in Kulim, Kedah*

Lawatan Turun Padang Ketua Pengarah MAMPU diiringi Timbalan Ketua Pengarah (ICT) MAMPU dan pegawai kanan MAMPU ke Projek Peluasan Pusat Data Sektor Awam (PDSA) di Kulim, Kedah telah berlangsung pada 8 April 2017 di KHTP Business Centre, Kulim Hi-Tech Park, Kedah. Objektif lawatan turun padang tersebut ialah untuk:

- meninjau secara fizikal lokasi PDSA Kulim;
- membincangkan sebarang isu pembangunan PDSA Kulim dan cadangan penambahbaikan; dan
- mengeratkan hubungan dan kerjasama antara pihak KHTP dengan Agensi Pusat.

*Director-General of MAMPU's Site Visit to Public Sector Data Centre Extension Project in Kulim, Kedah accompanied by Deputy Director-General (ICT) and senior officers of MAMPU was held on 8th April 2017 at KHTP Business Centre, Kulim Hi-Tech Park, Kedah. The objectives of the site visit were:*

- to monitor the location of Kulim Data Centre physically;*
- to discuss arising issues regarding the development of Kulim Data Centre and to suggest recommendations for improvement; and*
- to strengthen the relationship and cooperation between KHTP and the Central Agency.*



## Bengkel Visioning (Pengurusan Perubahan) DDMS 2.0 Untuk Agensi Sektor Awam

### *DDMS 2.0 (Change Management) Visioning Workshop For Public Sector Agencies*

Bengkel Visioning (Pengurusan Perubahan) DDMS 2.0 Untuk Agensi Sektor Awam telah diadakan pada 11 hingga 13 April 2017 di Dewan Lestari, Blok J, Bangunan MKN Embassy Techzone, Cyberjaya. Objektif bengkel ini ialah untuk:

- memberi pendedahan kepada agensi yang terlibat berkenaan Pengurusan Perubahan bagi Projek DDMS 2.0;
- menghasilkan Pelan Pengurusan Perubahan dan Pelan Komunikasi Bagi Projek DDMS 2.0; dan
- memastikan hala tuju DDMS 2.0 difahami oleh semua pihak yang terlibat.

*DDMS 2.0 (Change Management) Visioning Workshop for Public Sector Agencies was held on 11th to 13th April 2017 at Lestari Hall, Block J, MKN Embassy Techzone, Cyberjaya. The objectives of the workshop were:*

- to give exposure on the Change Management of DDMS 2.0 Project to the agencies involved;*
- to produce Change Management Plan and Communication Plan for DDMS 2.0 Project; and*
- to ensure that the direction of DDMS 2.0 is understood by all the parties involved.*



Seramai 68 peserta telah hadir mewakili 25 Kementerian dan 9 agensi yang telah menggunakan DDMS 2.0. Hasil daripada bengkel ini, peserta dapat menyediakan pelan pengurusan perubahan, melaksanakan aktiviti pengurusan perubahan termasuk kolaborasi dengan agensi dan merancang serta melaksanakan aktiviti promosi.

*A total of 68 participants attended, this workshop representing 25 ministries and 9 agencies who were using DDMS 2.0. As a result of this workshop, participants were able to prepare change management plan, implement change management activities including collaboration with agencies as well as planning and implementing promotional activities.*

### **Bengkel Kajian Keperluan Perkhidmatan ICT-as-a-Service (ICTaaS) Sektor Awam** **Public Sector ICT-as-a-Service (ICTaaS) Study Workshop**



Bengkel Kajian Keperluan Perkhidmatan ICT-as-a-Service (ICTaaS) Sektor Awam telah diadakan pada 12 Oktober 2017 bertempat di Bilik Persidangan, Blok B1, Kompleks Jabatan Perdana Menteri. Objekti bengkel ini ialah:

- a. mengumpul maklumat persekitaran semasa perkhidmatan pusat data/bilik server yang dimiliki atau dilangani oleh agensi sektor awam;
- b. mengenal pasti keperluan perkhidmatan pusat data/bilik server yang meliputi infrastruktur, platform dan perisian bagi pembangunan aplikasi agensi; dan
- c. menilai tahap kepuasan dan ekspektasi pengguna terhadap perkhidmatan PDSA.

*Public Sector ICT-as-a-Service (ICTaaS) Study Workshop was held on 12th October 2017 at Conference Room, Block B1, Prime Minister's Department Complex. The objectives of the workshop were:*

- a. to collect environmental information during data centre/server room service owned or rented by other public sector agencies;
- b. to identify the requirements of data centre/server room service including infrastructure, platform and software for the development of agencies' applications; and
- c. to evaluate the level of satisfaction and expectation of users regarding PDSA service.

Bengkel ini telah dihadiri oleh semua Pengurus ICT/ wakil kementerian/jabatan/Badan Berkanun Persekutuan/Badan Berkanun Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan. Hasil daripada bengkel ini, Laporan Keperluan Perkhidmatan ICTaaS Sektor Awam, Laporan Stocktake Pusat Data Sektor Awam dan tahap kepuasan pelanggan dapat dikeluarkan.

*This workshop was attended by all ICT Managers/ representatives from ministries/agencies/Federal Statutory Bodies/State Statutory Bodies/Local Authorities. As a result of this workshop, Public Sector ICT-as-a-Service (ICTaaS) Study Report, Public Sector Data Centre Stocktake Report and customers' satisfaction level report can be published.*

### **Kajian Isu Pelaksanaan Business Licensing Electronic Support System (BLESS) di Jabatan Perumahan Negara (JPN), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)**

#### **Study on the Issues of the Implementation of Business Licensing Electronic Support System (BLESS) at National Housing Department (JPN), Ministry of Housing and Local Government (KPKT)**

Kajian mengenai isu pelaksanaan Business Licensing Electronic Support System (BLESS) di Jabatan Perumahan Negara (JPN), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah

*The study on the Issues of the Implementation of Business Licensing Electronic Support System (BLESS) at National Housing Department (JPN), Ministry of Housing and Local Government (KPKT)*

dilaksanakan mulai 16 Disember 2016 hingga 17 Mac 2017 di JPN, KPKT. Objektif kajian ini ialah untuk mengkaji isu-isu berkaitan pelaksanaan BLESS di JPN, KPKT dan mengenalpasti punca dan mencadangkan penyelesaian masalah. Kajian merupakan kolaborasi antara MAMPU dengan Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU), JPM dan JPN, KPKT. Hasil daripada kajian ini berjaya mengurangkan isu kehilangan data transaksi dalam sistem BLESS.

was conducted from 16th December 2016 to 17th March 2017 at JPN, KPKT. The objectives of this study were to review the issues related to the implementation of BLESS at JPN, KPKT and to identify the causes as well as to suggest recommendations to solve the problems. This study was a collaboration between MAMPU, Implementation Coordination Unit (ICU), JPM and JPN, KPKT. As a result of this study, issues related to transaction data lost in the BLESS system had been reduced.

## **Kajian Pemusatan Pengurusan dan Pengoperasian ICT Sektor Awam**

### ***Public Sector ICT Management and Operational Centralisation Research***

Kajian Pemusatan Pengurusan dan Pengoperasian ICT Sektor Awam telah dilaksanakan pada Januari hingga Disember 2017. Objektif kajian ini ialah:

- a. melaksanakan *workload analysis* untuk *demand* dan *supply* bagi tempoh interim;
- b. mengenal pasti amalan terbaik pelaksanaan pemusatan pengurusan dan pengoperasian ICT sektor awam; dan
- c. mencadangkan hala tuju strategik untuk Pelan Pemusatan Pengurusan dan Pengoperasian ICT Sektor Awam.

*Public Sector ICT Management and Operational Centralisation Research* was conducted from January until December 2017. The objectives of the research were:

- a. to implement *workload analysis* for *demand* and *supply* during interim period;
- b. to identify the best practices of the implementation of public sector ICT management and operational centralisation; and
- c. to suggest the strategic direction for the Public Sector ICT Management and Operational Centralisation Plan.

Sebanyak 3 makmal dan 1 sesi perkongsian pengalaman telah diadakan sepanjang tempoh kajian dijalankan, iaitu:

- a. Makmal 1: Kajian Pemusatan Pengurusan dan Pengoperasian ICT Sektor Awam bersama-sama pasukan petugas dan wakil agensi;
- b. Makmal 2: Validasi Analisis Jurang bagi Kajian Pemusatan Pengurusan dan Pengoperasian ICT Sektor Awam bersama wakil Project Management Officer (PMO) serta pasukan petugas;
- c. Makmal 3: Pemurnian Pelan Hala Tuju Strategik Pemusatan Pengurusan dan Pengoperasian ICT Sektor Awam bersama wakil PMO serta pasukan petugas; dan
- d. Sesi Perkongsian Pengalaman bersama Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM), Jabatan Peguam Negara (AGC) dan Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR).

*3 labs and 1 experience sharing session* were held during the research period, namely:

- a. *Lab 1: Public Sector ICT Management and Operational Centralisation Research* with the task force and representatives from agencies;
- b. *Lab 2: Public Sector ICT Management and Operational Centralisation Research Gap Analysis Validation* with representatives from PMO and the task force;
- c. *Lab 3: Public Sector ICT Management and Operational Centralisation Strategic Direction Plan Finalisation* with PMO and the task force; and
- d. *Experience Sharing Session* with Accountant General's Department (JANM), Attorney General Chambers of Malaysia (AGC) and Public Works Department (JKR).

- e. Hasil daripada kajian ini, MAMPU dapat menyediakan Laporan Analisis Jurang, membangunkan Pelan Hala Tuju Strategik Pemusatan ICT Sektor Awam, menyediakan cadangan struktur baharu ICT Sektor Awam, menyediakan cadangan mekanisme *workload analysis* dan keperluan optimum personel ICT serta menyedia dan menyelaras hasil laporan Kajian Terperinci Pemusatan ICT Sektor Awam.

As a result of this research, MAMPU was able to prepare a Gap Analysis Report, develop Public Sector ICT Centralisation Strategic Direction Plan and propose a new structure for the Public Sector ICT. MAMPU was also able to suggest workload analysis mechanism and the optimum needs of ICT personnel as well as prepare and coordinate the report of the Public Sector ICT Centralisation Detailed Research.

## **Kajian Repositori Memori Institusi Sektor Awam (RMISA)**

### **Public Sector Institutional Memory Repository Research (RMISA)**

Kajian Repositori Memori Institusi Sektor Awam (RMISA) telah dijalankan pada 30 Januari 2017 hingga 30 September 2017. Objektif kajian ini ialah:

- a. mengkaji keperluan Repositori Memori Institusi Sektor Awam; dan
- b. mencadangkan hala tuju pembangunan dan pelaksanaan Repositori Memori Institusi Sektor Awam.

Kajian tersebut turut melibatkan pelaksanaan Bengkel Analisis Persekitaran Semasa bersama-sama wakil daripada 21 agensi sektor awam, kajian lapangan ke 6 agensi iaitu Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Institut Diplomas dan Hubungan Luar Negeri (IDFR), Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) serta perbincangan global best practices bersama-sama Gartner dan PwC.

Hasil daripada kajian ini dapat memperkayakan platform penawaran perkhidmatan digital kerajaan melalui Digital Workspace dan menyokong inisiatif Persekitaran Era Kerja Digital Sektor Awam.

*Public Sector Institutional Memory Repository Research (RMISA) was conducted on 30th January 2017 to 30th September 2017. The objectives of the research were:*

- a. to review the requirements of Public Sector Institutional Memory Repository; and*
- b. to suggest the development direction and implementation of Public Sector Institutional Memory Repository.*

*This research also involved the implementation of Current Environmental Analysis Workshop with representatives from 21 public agencies, field researches of 6 agencies, namely Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI), Institute of Diplomacy and Foreign Relations (IDFR), Ministry of Energy, Green Technology and Water (KeTTHA), Ministry of International Trade and Industry (MITI), National Population and Family Development Board (LPPKN) and Public Works Department (JKR), as well as discussion on global best practices with Gartner and PwC.*

*The result of this research can enrich the platforms of government digital services through Digital Workspace and support initiatives on Public Sector Digital Working Environment Era.*

## **Penyediaan Buku Panduan Pembangunan Sistem Sektor Awam**

### **Preparation of Public Sector System Development Handbook**

Penyediaan Buku Panduan Pembangunan Sistem Sektor Awam telah dibuat mulai Januari hingga Disember 2017. Objektif buku panduan ini diterbitkan ialah untuk:

- a. memperkenalkan metodologi standard yang praktikal bagi panduan agensi sektor awam dalam proses pembangunan sistem aplikasi;
- b. meningkatkan kesedaran pemegang taruh tentang kepentingan dokumentasi sistem yang perlu dihasilkan sepanjang pelaksanaan pembangunan sistem aplikasi; dan
- c. menjamin kualiti sistem aplikasi yang dibangunkan dan memberi penekanan kepada kesinambungan kerja dalam proses pembangunan, penyelenggaraan dan peningkatan sistem aplikasi.

Hasil daripada penerbitan buku ini ialah:

- a. satu panduan yang seragam dalam pembangunan sistem aplikasi agensi sektor awam kerana ianya menyediakan aktiviti-aktiviti pembelajaran melalui pengalaman amali (experiential learning activities) yang membolehkan individu dan pasukan pembangunan sistem mempraktikkan skill dan kaedah-kaedah dalam metodologi pembangunan sistem aplikasi; dan

*The preparation of Public Sector System Development Handbook started from January to December 2017. The objectives of the handbook were:*

- a. to introduce a practical standard methodology in application system development process;*
- b. to raise awareness among the stakeholders on the importance of system documentation that needs to be made throughout the implementation of application system development; and*
- c. to ensure the quality of the application system developed and the continuity of work in the process of development, maintenance and application system upgrade.*

*The results of the publication of this handbook were:*

- a. a standardized guide in the development of application system to the public sector agencies because it provided learning activities through experiential learning that allow individuals and the system development team to practise the skills in the methodology of application system development; and*
- b. a guide that be used by consultants, experts, trainers/instructors and facilitators in conducting application system development training, knowing that experiential learning*

- b. boleh digunakan sebagai panduan oleh perunding, pakar, pelatih/instruktur dan fasilitator dalam memberi latihan pembangunan sistem aplikasi, dengan menyedari bahawa pembelajaran melalui pengalaman amali adalah kaedah pembelajaran yang paling berkesan dalam melahirkan individu yang pakar dan berkeyakinan.

*activities are the most effective methods of learning in producing expert and confident individuals.*

## **Pelancaran 1Gov\*Net.Global**

### ***Launching of 1Gov\*Net.Global***

Pelancaran 1Gov\*Net.Global telah diadakan pada 5 Oktober 2017 semasa Public Sector CIO Convex 2017 bertempat di Dewan Seri Siantan, Kompleks Perbadanan Putrajaya. Objektif pelancaran ini ialah untuk memperkenalkan dan melancarkan perkhidmatan 1Gov\*Net.Global.

*The launching ceremony of 1Gov\*Net.Global was held on 5th October 2017 during the Public Sector CIO Convex 2017 at Seri Siantan Hall, Putrajaya Corporation Complex. The objective of the ceremony was to introduce and launch 1Gov\*Net.Global service.*

1Gov\*Net adalah Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan (Government Integrated Telecommunication Network) yang menyediakan infrastruktur rangkaian untuk Kementerian, Jabatan atau Agensi Kerajaan Persekutuan dan Badan Berkanun Persekutuan di bawah saraan Kementerian. 1Gov\*Net.Global telah diwujudkan pada tahun 2016 dengan memperluaskan 1Gov\*Net ke 2 lokasi rintis iaitu di Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Singapura dan Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta, Indonesia.

*1Gov\*Net is a Government Integrated Telecommunication Network that provides network infrastructure to ministries, departments, federal government agencies and federal statutory bodies under the ministries' remuneration. 1Gov\*Net.Global was created in 2016 by expanding 1Gov\*Net to 2 pilot locations, namely the High Commission of Malaysia in Singapore and the Embassy of Malaysia in Jakarta, Indonesia.*



## **Peluasan Digital Document Management System (DDMS) 2.0 Ke Agensi-Agensi Sektor Awam**

### ***The Expansion of Digital Document Management System (DDMS) 2.0 to Public Sector Agencies***

Peluasan DDMS 2.0 telah dilaksanakan sepanjang bulan Januari hingga Disember 2017 di agensi-agensi berikut:

1. Kementerian Kewangan Malaysia
2. Arkib Negara Malaysia Negeri Pahang
3. Unit Perancang Ekonomi (EPU)
4. Hospital Shah Alam
5. Arkib Negara Malaysia Negeri Perlis/ Kedah
6. Jabatan Insolvensi Malaysia
7. Jabatan Kesihatan Negeri Perak
8. Majlis Sukan Negara
9. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM)
10. Universiti Putra Malaysia (UPM)
11. Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia
12. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
13. Arkib Negara Malaysia Negeri Johor
14. Arkib Negara Malaysia Negeri Terengganu
15. Arkib Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang
16. Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)
17. Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang (PKPP)
18. Arkib Negara Malaysia Negeri Sabah
19. Arkib Negara Malaysia Negeri Sarawak
20. Arkib Negara Malaysia Negeri Melaka
21. Arkib Negara Malaysia Negeri Kelantan
22. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
23. Biro Pengaduan Awam (BPA)
24. Arkib Negara Malaysia Negeri Perak
25. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
26. Hospital Sultan Haji Ahmad Shah Temerloh
27. Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)
28. Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)
29. Lembaga Hasil Dalam Negeri
30. Jabatan Perhutanan Negeri Selangor
31. Jabatan Kerja Raya Melaka Tengah
32. Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan

Sebelum peluasan DDMS 2.0 dilaksanakan Latihan Pengguna, Latihan Pegawai Rekod Jabatan dan Latihan Pentadbir Sistem diberikan terlebih dahulu kepada agensi-agensi sektor awam sebelum 'go-live'. Selain itu, peluasan ini juga bertujuan untuk menyediakan kemahiran menggunakan sistem DDMS 2.0 kepada agensi-agensi sektor awam untuk digunakan sepenuhnya.

*The Expansion of DDMS 2.0 was carried out from January until December 2017 at the following agencies:*

1. Ministry of Finance
2. National Archives of the State of Pahang
3. Economy Planning Unit (EPU)
4. Shah Alam Hospital
5. National Archives of the State of Perlis/ Kedah
6. Department of Insolvency
7. Perak State Health Department
8. National Sports Council
9. Malaysian Islamiah Dakwah Foundation (YADIM)
10. University of Putra Malaysia
11. Malaysian Handicraft Development Corporation
12. Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM)
13. National Archives of the State of Johor
14. National Archives of the State of Terengganu
15. National Archives of the State of Penang
16. Selangor Water Management Authority (LUAS)
17. Agricultural Development Corporation of the State of Pahang (PKPP)
18. National Archives of the State of Sabah
19. National Archives of the State of Sarawak
20. National Archives of the State of Malacca
21. National Archives of the State of Kelantan
22. Islamic Religious Council of the Federal Territory
23. Public Complaints Bureau
24. National Archives of the State of Perak
25. Public Service Department (JPA)
26. Sultan Haji Ahmad Shah Hospital, Temerloh
27. Rubber Industry Smallholders Development Authorities (RISDA)
28. Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ)
29. Inland Revenue Board of Malaysia
30. Selangor State Perestry Department
31. Public Works Department of Malacca Tengah
32. The Chief Registrar's Office of the Federal Court

*The expansion of DDMS 2.0 aimed at providing Users Training, Agencies' Record Officers Training and System Administrators Training to the public sector agencies before going live. Besides that, the expansion also aimed to provide skills training to public sector agencies.*



## **Pembangunan Enterprise Architecture (EA) Sektor Awam (1GovEA) Fasa 1** ***Public Sector Enterprise Architecture (EA) Development Phase 1***

Pembangunan Enterprise Architecture (EA) Sektor Awam (1GovEA) Fasa 1 telah dilaksanakan mulai 9 November 2015 hingga 8 Mei 2017. Antara objektifnya adalah seperti berikut:

- a. penjajaran strategi bisnes dan ICT dalam meningkatkan penyampaian perkhidmatan Kerajaan Elektronik yang seragam dan menyeluruh;
- b. pembudayaan kerja berdasarkan standard, inovasi, integrasi dan perkongsian maklumat;
- c. penyimpanan artefak EA secara berpusat oleh semua agensi sektor awam yang mudah dicapai, lengkap dan tepat; dan
- d. penjimatan penggunaan ICT dan mengoptimimumkan aset kerajaan.

Agensi rintis yang terlibat dalam pembangunan EA 1GovEA Fasa 1 ini ialah MAMPU dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Antara hasil yang diperoleh daripada pembangunan EA 1GovEA Fasa 1 adalah seperti berikut:

- a. rajah arkitektur dibangunkan merangkumi domain bisnes (perkhidmatan teras dan maklumat/data) dan ICT (aplikasi dan teknologi) dalam bentuk 12 templat rajah arkitektur yang seragam dan menyeluruh;
- b. Dokumen Model Rujukan 1GovEA yang dibangunkan menjelaskan klasifikasi standard bagi perkhidmatan bisnes dan data mengikut sektor, klasifikasi aplikasi mengikut fungsi aplikasi dan klasifikasi teknologi mengikut perkhidmatan teknologi klasifikasi ini digunakan dalam membangunkan rajah arkitektur dengan mengintegrasikan perkhidmatan dan maklumat serta aplikasi dan teknologi merentas agensi;
- c. Roadmap & Pelan Transformasi MAMPU dihasilkan merangkumi perubahan fungsi dan keseluruhan perkhidmatan MAMPU;
- d. Roadmap KPKT dihasilkan untuk Program Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai untuk Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai (BPWG) serta Program Perumahan, Jabatan

*The first phase of Public Sector Enterprise Architecture (EA) Development (1GovEA) started from 9th November 2015 until 8th May 2017. The objectives of the project were:*

- a. *to align both business and ICT strategies in improving Electronic Government service delivery;*
- b. *to promote work culture based on standards, innovation, integration and information sharing;*
- c. *to provide a centralized repository of EA artifacts by all public sector agencies that is easy to access, complete and accurate; and*
- d. *to save on ICT usage and to optimize the government's assets.*

*Pilot agencies that were involved in the development of EA 1GovEA Phase 1 were MAMPU and the Ministry of Housing and Local Government (KPKT).*

*Among the results obtained from the development of EA 1GovEA Phase 1 were:*

- a. *the architecture diagram developed includes business domains (core business and information/data) and ICT (application and technology) in the form of 12 standardized and comprehensive architecture diagram templates;*
- b. *1GovEA Reference Model Document developed clarifies the standard classification for business service and data according to sectors, application classification according to its functions and technology classification according to technology services to be used in developing architecture diagram in integrating services and information as well as applications and technology across agencies;*
- c. *Roadmap and MAMPU Transformation Plan were generated covering the change of functions and and the overall services of MAMPU;*
- d. *KPKT Roadmap was generated for the Money Lender Programme and Pawnbrokers for the Money Lender and Pawnbrokers Division (BPWG) as well as Housing Programme, National Housing Department (JPN);*

- e. Perumahan Negara (JPN);
- e. repositori dan sistem 1GovEA berpusat dibangunkan bagi menyimpan artifak EA yang lengkap, tepat dan selamat serta mudah dicapai oleh semua agensi Sektor Awam;
- f. Portal 1GovEA (1govea.mampu.gov.my) dibangunkan bagi memudahkan perkongsian maklumat pembangunan EA di sektor awam serta memudahkan agensi mengakses sistem web 1GovEA (1govea.mampu.gov.my) bagi melihat paparan rajah arkitektur yang telah dibangunkan; dan
- f. a repository and centralised 1GovEA system were developed for storing EA artifacts that are complete, accurate, secure and accessible to all public sector agencies;
- g. templat pengukuran kesediaan pelaksanaan EA (Readiness Assesment) dan kematangan pelaksanaan EA (Maturity Assesment) dibangunkan bagi memudahkan organisasi mengetahui jurang pelaksanaan yang perlu ditingkatkan menerusi program pengurusan perubahan dan peningkatan kompetensi.
- g. EA implementation readiness assessment template and EA implementation maturity assessment were developed to facilitate organisations regarding the implementation gaps that need to be improved through change management programme and increased competency.



## **Pembangunan dan Pelaksanaan Projek Government Online Services Gateway (GOS Gateway)**

### ***Government Online Services Gateway (GOS Gateway) Development and Implementation Project***

Pembangunan dan Pelaksanaan Projek Government Online Services Gateway (GOS Gateway) telah dilaksanakan mulai Februari 2017 sehingga Februari 2018. Objektif projek ini ialah untuk mewujudkan gerbang bagi capaian orang awam kepada perkhidmatan dalam talian kerajaan yang terlibat dalam sesuatu *life event* rakyat menerusi *citizen-centric design*. Projek yang dibangunkan oleh MIMOS ini melibatkan MAMPU dan agensi yang menawarkan perkhidmatan dalam talian yang berkaitan dengan sesuatu *life events* rakyat. Projek ini memudahkan rakyat mendapatkan akses kepada perkhidmatan dalam talian kerajaan melalui satu gerbang dengan *single sign on*.

*Government Online Services Gateway (GOS Gateway) Development and Implementation Project was conducted from February 2017 to February 2018. The objective of the project was to create a gateway for public access to government's online services that were involved in citizens' life events through citizen-centric design. This project involved MAMPU, MIMOS and agencies that offer online services related to citizens' life events. This project provided the people with opportunity to gain access to the government's online services easily through one gateway with a single sign on.*

## **Projek Keselamatan Siber Sektor Awam (CSDeP)**

### ***Public Sector Cyber Security Project (CSDeP)***

Projek Keselamatan Siber Sektor Awam (CSDeP) telah berlangsung pada Ogos hingga Disember 2017 di MAMPU Cyberjaya. Objektif projek ini ialah:

- a. mengukuhkan keupayaan dan kepakaran

*Public Sector Cyber Security Project (CSDeP) was conducted from August to December 2017 at MAMPU Cyberjaya. The objectives of the project were:*

- a. *to strengthen the capabilities and expertise*

- pasukan Government Computer Emergency Response Team (GCERT) dan Computer Emergency Response Team (CERT) agensi dalam bidang forensik digital;
- menguatkan dan menambah baik tahap keselamatan rangkaian dan sistem ICT agensi;
  - memperkasakan Pegawai Keselamatan Maklumat (ICTSO) dalam ilmu keselamatan siber;
  - meningkatkan tadbir urus keselamatan maklumat melalui pematuhan yang lebih efektif kepada standard keselamatan maklumat dan peraturan-peraturan;
  - meningkatkan keupayaan dan kemahiran agensi dalam pembangunan, adaptasi dan pensijilan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) secara sendiri; dan
  - penghasilan laporan kajian impak projek keselamatan siber sektor awam.

- of agencies' GCERT and CERT teams in digital forensic;
- to strengthen and improve agencies' level of network security and ICT system;
- to enhance Information Security Officer (ICTSO) in cyber security knowledge;
- to enhance information security governance through a more effective compliance to information security standards and regulations;
- to improve the capabilities and skills of agencies in ISMS development, adaptation and certification independently; and
- to produce public sector cyber security impact study report.

The participation of this project consisted of public sector agencies under the supervision of MAMPU based on the definition of Critical National Information Infrastruktur (CNII). This project has successfully created GCERT Digital Forensic Lab (MyDLAB), MyISMS Application and MyISGRC Application.

Penyertaan bagi projek ini terdiri daripada agensi sektor awam di bawah seliaan MAMPU mengikut definisi Critical National Information Infrastruktur (CNII). Projek ini telah berjaya mewujudkan Makmal Forensik Digital GCERT (MyDFLab), Aplikasi MyISMS dan Aplikasi MyISGRC.

## **Pembangunan Dasar Keselamatan ICT (DKICT) Negeri Johor Versi 2.0**

### ***Johor's ICT Security Policy Development (DKICT) Version 2.0***

Pembangunan Dasar Keselamatan ICT (DKICT) Negeri Johor Versi 2.0 telah berlangsung pada April hingga Oktober 2017 di Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Johor. Objektif pembangunan DKICT ini ialah untuk menyemak dan menilai semula DKICT Johor Versi 1.0 Tahun 2009 serta mengemaskini DKICT Negeri Johor selaras dengan dasar terkini Kerajaan, trend dan teknologi berkaitan ICT semasa. Hasil daripada projek ini, Pejabat SUK Negeri Johor berjaya menetapkan dasar-dasar keselamatan ICT bagi melindungi maklumat daripada pelbagai bentuk berasaskan ciri-ciri keselamatan maklumat iaitu kerahsiaan, integriti, tidak boleh disangkal, kesahihan dan kebolehsediaan.

Johor's ICT Security Policy Development Version 2.0 was conducted from April to October 2017 at the State Government Office of Johor. The objective of this DKICT development was to review and reevaluate Johor's DKICT Version 1.0 of 2009 as well as to update Johor's DKICT in line with the government's current policy, trend and technology. As a result of this project, the State Government Office of Johor managed to establish ICT security policies to protect information based on information security features, namely confidentiality, integrity, irrefutable, legitimacy and availability.

## **Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Institut Informatik Visual (IVI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan MAMPU**

### ***Memorandum of Understanding (MOU) Signing Ceremony between Institute of Visual Informatics, National University of Malaysia and MAMPU***

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) antara Institut Informatik Visual (IVI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan MAMPU telah berlangsung pada 23 Oktober 2017 di UKM. Objektif MoU adalah untuk bekerjasama dalam penyelidikan, penerbitan, perkongsian sumber dan kepakaran, pembangunan modal insan, pertukaran data dan maklumat serta pelbagai program analitis data raya, data terbuka dan lain-lain bidang ICT. Kerjasama strategik ini akan melonjak kedudukan Malaysia di tangga ke-30 terbaik menjelang tahun 2020 dalam Open Data Barometer dan ke-15 dalam Online Service Index (OSI).

Memorandum of Understanding (MOU) Signing Ceremony between Institute of Visual Informatics, National University of Malaysia and MAMPU was held on 23rd October 2017 at UKM. The objective of the MoU was to cooperate in research, publishing, resource and expertise sharing, human capital development, data and information exchange as well as various data analytics programmes, open data and other fields of ICT.

This strategic partnership will boost Malaysia's ranking to the top 30 by 2020 in Open Data Barometer and top 15 in Online Service Index (OSI).



**Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara MAMPU dan Asia Online Publishing Group (AOPG) Sdn. Bhd.**

***Memorandum of Understanding Signing Ceremony between MAMPU and Asian Online Publishing Group (AOPG) Sdn. Bhd.***

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara MAMPU dan Asia Online Publishing Group (AOPG) Sdn. Bhd. telah berlangsung pada 4 Disember 2017 di MAMPU Putrajaya. Objektif MoU ini ialah untuk:

- a. meningkatkan impak data terbuka melalui promosi dan penerbitan berkaitan data terbuka;
- b. meningkatkan kualiti dan kuantiti data terbuka;
- c. meningkatkan bilangan penggunaan data terbuka di kalangan rakyat di dalam dan luar negara;
- d. menggalakkan projek dan inisiatif yang memberikan faedah kepada bisnes atau sosial dan *insights* sebagai hasil daripada penggunaan data terbuka; dan
- e. meningkatkan kedudukan Malaysia di dalam indeks data terbuka antarabangsa.

Hasil daripada termeterainya MoU ini diharap dapat meningkatkan kuantiti dan kualiti set data, promosi data terbuka dan ranking Open Data Barometer.

*Memorandum of Understanding Signing Ceremony between MAMPU and Asian Online Publishing Group (AOPG) Sdn. Bhd. was held on 4th December 2017 at MAMPU Putrajaya. The objectives of this MoU were:*

- a. to enhance the impact of open data through promotions and publications related to open data;*
- b. to improve the quality and quantity of open data;*
- c. to increase the numbers of open data usage among the citizens locally and abroad;*
- d. to promote projects and initiatives that benefit business or social and insights as a result of the usage of open data; and*
- e. to improve Malaysia's position in the international open data index.*

*The result of the signing of this MoU was expected to increase the quantity and quality of data sets, open data promotions and Open Data Barometer ranking.*



## **Projek Pembangunan Sistem Pengurusan Maklumat Projek (ePIMS)**

### ***Project Information System Development (ePIMS) Project***

MAMPU telah bekerjasama dengan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri dalam membangun Aplikasi ePIMS secara dalaman. Pembangunan Aplikasi ePIMS membantu pihak UKAS membuat pemantauan pelaksanaan projek-projek kerajaan di bawah kawalan UKAS yang terdiri daripada:

- a. Projek Public Private Partnership (PPP); dan
- b. Projek Dana Mudah Cara (DMC).

Aplikasi ePIMS mula dilaksanakan oleh UKAS mulai Julai 2017. Dengan penggunaan aplikasi ePIMS ini, pihak UKAS dapat memantau kemajuan pembangunan projek-projek Kerajaan dengan lebih cekap dan penjanaan laporan yang lebih cepat. Seterusnya, pihak Kerajaan dapat merancang keperluan kewangan.

MAMPU collaborated with the Public Private Partnership Unit (UKAS), Prime Minister's Department in developing ePIMS application internally. The development of ePIMS application helps UKAS to monitor the implementation of government's projects under UKAS's supervision such as:

- a. Public Private Partnership Project (PPP); and
- b. Easy Way Fund Project (DMC).

ePIMS application was implemented by UKAS in July 2017. With the usage of this ePIMS application, UKAS was able to monitor the development progress of the government's projects more efficiently and generate reports faster. Furthermore, the government can plan their financial needs.

## **Projek Pembangunan Sistem Pengurusan Integriti Agensi (AiMS)**

### ***Agency Integrity Management System Development (AiMS) Project***

MAMPU telah bekerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam pembangunan projek Sistem Pelaporan Unit Integriti Agensi dan Knowledge Portal secara dalaman. Pembangunan sistem aplikasi AiMS ini bertujuan untuk:

- a. memudahkan Unit Integriti di agensi-agensi kerajaan melaksanakan operasi harian dan penyediaan laporan secara berkala;
- b. mudah dan mempertingkatkan pengurusan Unit Integriti di agensi supaya lebih sistematik, mengurangkan penggunaan kertas (paperless) dan menyumbang ke arah pembangunan teleintegriti.

Hasil daripada projek ini ialah seperti berikut:

- a. Sistem yang cekap dan berkesan membolehkan sistem penyampaian berkaitan pengurusan integriti agensi awam dipertingkatkan;
- b. Meningkatkan kecekapan sistem penyediaan laporan statistik dan pelaksanaan analisis berkaitan dengan integriti bagi agensi awam; dan
- c. Memudahkan pemantauan dan perancangan berkaitan integriti oleh pihak pengurusan atasan agensi awam.

MAMPU collaborated with the Malaysian Anti-Corruption Commission (SPRM) in the development project of Agencies' Integrity Unit Reporting System and Knowledge Portal internally. The development of this AiMS application system aimed to:

- a. facilitate the Integrity Unit at government agencies in implementing daily operations and periodic reports; and
- b. facilitate and improve the management of the Integrity Unit at agencies so that it is more systematic, paperless and contributes towards the development of teleintegriti.

The results of this project were:

- a. efficient and effective systems enable enhancement system delivery of public agency integrity management;
- b. the efficiency of statistical report preparation system and implementation of analysis related to integrity for public agencies were improved; and
- c. facilitate monitoring and planning related to integrity by the top management of public agencies.



MENGANGKASA KECEMERLANGAN  
MENERUSI PENGIKTIRAFAN  
UPLIFTING EXCELLENCE  
THROUGH RECOGNITION

# ANUGERAH PENGIKTIRAFAN KECEMERLANGAN OPEN GOV 2017

## OPEN GOV AWARD RECOGNITION OF EXCELLENCE 2017



# ANUGERAH PENGIKTIRAFAN KHAS MOBILEGOV GLOBAL 2017 UNTUK GALERI APLIKASI MUDAH ALIH KERAJAAN MALAYSIA (GAMMA)

2017 MOBILEGOV GLOBAL AWARDS SPECIAL RECOGNITION FOR  
GALLERY OF MALAYSIAN GOVERNMENT MOBILE APPLICATIONS  
(GAMMA)



# JUARA KATEGORI TERBUKA UNTUK SOFTEC ASIA 2017 SOFTWARE TEST DESIGN COMPETITION (TDC)

SOFTEC ASIA 2017 SOFTWARE TEST DESIGN COMPETITION (TDC) 2017  
CHAMPION FOR OPEN CATEGORY



## Software Test Design Competition 2017 Finalist THE QUEST



Myzatul Akmal binti Sapaat (CTFL, CTAL-TAMM, CPRE) ● Abdullah bin Mohammad (CTFL),  
Asnida Akmal Noor binti Che Ahmad (CTFL, CPRE) ● Noor Hasliza binti Mohd Hassan (CTFL, CPRE)

# ANUGERAH KELAB KEBAJIKAN DAN SUKAN TERBAIK 2016 DI HARI INOVASI DAN KECEMERLANGAN JABATAN PERDANA MENTERI

## BEST WELFARE AND SPORTS CLUB AWARD 2016 AT THE PRIME MINISTER'S DEPARTMENT'S INNOVATION AND EXCELLENCE DAY





MENYERLAH LAKARAN PERSONA MAMPU  
ILLUMINATING THE PERSONA OF MAMPU

# MAMPU BERSAMA MEDIA

## MAMPU WITH THE MEDIA

### Program Majlis Bersama Media - Majlis Ramah Mesra YB Menteri Bersama Warga MAMPU

#### *Media Outreach Programme - Casual Talk Session Between the Honourable Minister in the Prime Minister's Department and MAMPU Staff Members*

Program Majlis Bersama Media - Majlis Ramah Mesra YB Menteri Bersama Warga MAMPU telah diadakan pada 20 Julai 2017 bertempat di Kelab Tasik Putrajaya. Objektif program ini ialah untuk mewujudkan jaringan kerjasama bagi membolehkan pihak pengurusan atasan MAMPU berpeluang untuk berinteraksi secara lebih dekat dengan wakil pelbagai media cetak dan elektronik. Antara warga MAMPU yang terlibat dalam program ini adalah barisan Pengurusan Tertinggi MAMPU, beberapa pegawai MAMPU dan wakil-wakil media. Hasil daripada program ini, Pengurusan Tertinggi MAMPU dan pihak media dapat berkongsi pendapat, idea dan peranan kedua-dua pihak dalam membantu menyalurkan maklumat sahih dan tepat kepada orang ramai.

*This media outreach programme was held on 20th July 2017 at Putrajaya Lake Club. Its objective is to establish strategic network between the senior management of MAMPU and key partners from the electronic and print media. This programme was attended by the senior management of MAMPU, MAMPU staff members and media representatives. Through this event, the senior management of MAMPU and media partners managed to share ideas and deliberate further on each other's role to disseminate authoritative and accurate information to the public.*



# WAWANCARA

## INTERVIEWS

Wawancara Radio Nasional FM bersama YBrs. Dr. Yusminar Yunus, Pengarah Bahagian Kerajaan Digital mengenai Hari Data Terbuka pada 19 Mei 2017

*Nasional FM Radio Interview with Dr. Yusminar Yunus, Director of the Digital Government Division regarding the Open Data Day on 19th May 2017.*



Wawancara Selamat Pagi Malaysia di TV1 bersama Puan Rubaiah Hashim, Pengarah Bahagian Pembangunan Strategik dan Arkitektur ICT dan Puan Noraini Ab Rahim, Perunding ICT dari Bahagian Perundingan ICT mengenai Public Sector CIO Convex pada 4 Oktober 2017

*Selamat Pagi Malaysia Interview on TV1 with Mrs Rubaiah Hashim, Director of the ICT Strategic and Architecture Development and Mrs Noraini Ab Rahim, ICT Consultant from the ICT Consulting Division about the Public Sector CIO CONVEX on 4th October 2017.*



**Mesyuarat Agung Tahunan PUSPANITA**  
***PUSPANITA Annual General Meeting***

Pameran sempena Mesyuarat Agung Tahunan PUSPANITA telah diadakan pada 27-28 Februari 2017 bertempat di Dewan Seri Endon, Presint 10, Putrajaya. Pameran ini telah memberikan pendedahan berkaitan produk-produk perkhidmatan Kerajaan di bawah MAMPU kepada ahli-ahli PUSPANITA.

*MAMPU set up its exhibition booth in conjunction with the PUSPANITA AGM held on 27th-28th February 2017 at the Seri Endon Hall, Presint 10, Putrajaya. This exhibition gave the opportunity for MAMPU to promote its various products and services among PUSPANITA members.*

**Program Sehati Sejiwa**  
***The Sehati Sejiwa Programme***

Pameran sempena Program Sehati Sejiwa telah diadakan pada 11 Mac 2017 bertempat di Limbang, Sarawak. Seramai 5,000 orang telah menghadiri Program Menteri Bersama Rakyat tersebut. Hasil daripada pameran ini telah memberikan pendedahan berkaitan produk-produk perkhidmatan Kerajaan di bawah MAMPU kepada orang awam di Limbang, Sarawak.

*An exhibition was held in conjunction with the Sehati Sejiwa Program on 11th March 2017 in Limbang, Sarawak. This programme which was graced by the Honourable minister attracted the participation of over 5,000 people. The exhibition has been able to raise public awareness about Government products and services under MAMPU especially among the local residents of Limbang.*

**Program Ekspresi Negaraku di Kuala Kangsar, Perak**  
***Ekspresi Negaraku Programme in Kuala Kangsar, Perak***

Pameran sempena Program Ekspresi Negaraku telah diadakan pada 14 April 2017 di Kuala Kangsar, Perak. Program yang bertujuan untuk menyemarakkan semangat cintakan negara ini telah mendapat kunjungan daripada 10,000 orang.

*MAMPU participated as an exhibitor at the Ekspresi Negaraku Kuala Kangsar held on 14th April 2017. This programme was organised to promote the spirit of patriotism among Malaysians and recorded the attendance of around 10,000 visitors.*



## Program Ekspresi Negaraku di Sandakan, Sabah

### *Ekspresi Negaraku Programme in Sandakan, Sabah*

Pameran sempena Program Ekspresi Negaraku di Sandakan, Sabah pada 7 Mei 2017.

*This exhibition was held in conjunction with the Ekspresi Negaraku Sandakan on 7th May 2017.*



## Program Ekspresi Negaraku di Pasir Puteh, Kelantan

### *Ekspresi Negaraku Programme in Pasir Puteh, Kelantan*

Pameran sempena Program Ekspresi Negaraku di Pasir Puteh, Kelantan pada 13 Mei 2017.

*This exhibition was held in conjunction with the Ekspresi Negaraku Pasir Puteh on 13th May 2017.*



## Program Sambutan Hari Telekomunikasi Sedunia dan Masyarakat Berinformasi *World Telecommunications Day and Information Society Celebration Programme*


Pameran sempena Program Sambutan Hari Telekomunikasi Sedunia dan Masyarakat Berinformasi telah diadakan pada 20-21 Mei 2017 di Tanjung Kling, Melaka. Objektif program ini bertujuan untuk menghasilkan generasi pelapis yang cakna dengan kehendak dan keperluan industri masa kini, meningkatkan kesedaran masyarakat luar bandar mengenai peluang menjana pendapatan secara dalam talian. Industri telekomunikasi juga dijangka akan meningkat maju dengan adanya kerjasama antara kerajaan dan agensi serta syarikat telekomunikasi hasil daripada program yang dianjurkan ini.

*This programme was held on 20th-21st May 2017 at Tanjung Kling, Melaka. Its objective were to produce future generations who are aware about the current industrial demands, raising the level of awareness among members of the rural population about opportunities to generate income online and establish cooperation between government ministries and agencies with telcos in advancing the telecommunications industry to greater heights.*

## Ekspresi Negaraku Program in Melaka *Programme Ekspresi Negaraku di Melaka*

Pameran sempena Program Ekspresi Negaraku di Melaka pada 15 Julai 2017.

*Exhibition in conjunction with Ekspresi Negaraku Melaka on 15th July 2017.*



## Program Caring Bridge dan Pelancaran Negaraku

### *Caring Bridge Programme and The Launch of Negaraku*

Pameran sempena Program Caring Bridge dan Pelancaran Negaraku yang bertujuan untuk menyemarakkan sambutan kemerdekaan dan meningkatkan semangat patriotik serta cintakan negara telah diadakan pada 7-8 Ogos 2017 di Batu Pahat, Johor.

*Exhibition during the Caring Bridge Programme and the Launch of Negaraku on 7th-8th August 2017 was intended to uplift the Merdeka celebration and promote patriotism and love for the nation. The event was held in Batu Pahat, Johor.*




## Program Ekspresi Negaraku di Port Dickson, Negeri Sembilan

### *Ekspresi Negaraku Programme in Port Dickson, Negeri Sembilan*

Pameran sempena Program Ekspresi Negaraku di Port Dickson, Negeri Sembilan pada 24 September 2017.

*Exhibition held in conjunction with Ekspresi Negaraku at Port Dickson, Negeri Sembilan on 24th September 2017.*



**Program Lan Berambeh Anak Sarawak**  
***Lan Berambeh Anak Sarawak Programme***

Pameran sempena Program Lan Berambeh Anak Sarawak di Putra World Trade Centre (PWTC), Kuala Lumpur pada 7 Oktober 2017

*Exhibition held in conjunction with the Lan Berambeh Anak Sarawak Programme at Putra World Trade Centre (PWTC), Kuala Lumpur on 7th October 2017.*



**Program Ekspresi Negaraku di Dungun, Terengganu**  
***Ekspresi Negaraku Programme in Dungun, Terengganu***

Pameran sempena Program Ekspresi Negaraku di Dungun, Terengganu pada 14 Oktober 2017.

*Exhibition held in conjunction with Ekspresi Negaraku Programme in Dungun, Terengganu on 14th October 2017.*



# MAMPU DI MEDIA CETAK

## MAMPU IN PRINTED MEDIA

Advertorial “Kerajaan Digital di Malaysia: Naratif Baharu Perkhidmatan Awam” dalam Berita Harian pada 12 Julai 2017.

“Kerajaan Digital di Malaysia: Naratif Baharu Perkhidmatan Awam” Advertorial in Berita Harian on 12th July 2017.

Ms.18

Rabu, 12 Julai 2017 BH

## Kerajaan Digital Di Malaysia: Naratif Baharu Perkhidmatan Awam

Mendepani gelombang teknologi dalam era digital



Program Ekspres Segaraku adalah wadah penyampaian perkhidmatan pendigitalan kerajaan yang berkonsepkan titik sentuhan kepada rakyat.

Caraban globalisasi yang menerjah ke setiap penjuru dunia hari ini dan kemunculan gelombang teknologi baharu yang dikenali sebagai *The Fourth Industrial Revolution* atau Revolusi Industri Keempat dengan pelbagai teknologi bersifat disruptif akan memberi kesan langsung kepada ekspektasi dan persepsi rakyat terhadap penyampaian perkhidmatan Kerajaan. Revolusi Industri Keempat turut membawa era *Internet of Things (IoT)* dan *Internet of everything* melalui pemanfaatan analisis data raya yang melahirkan kecerdasan buatan (*artificial intelligence*) serta teknologi robotik. Kritikal dalam menghadapi landskap baharu ini ialah keupayaan perkhidmatan awam memberi respons dalam menghidmati rakyat dengan pendekatan yang lebih segar, cekap dan berkesan melalui pemanfaatan teknologi pintar.

### MAMPU Peneraju Kerajaan Digital

Selaku apparatus Kerajaan dalam memodenkan sistem penyampaian perkhidmatan, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) telah mengorak langkah merangka dan membina ekosistem baharu sistem penyampaian yang dipacu oleh teknologi maklumat dikenali sebagai Kerajaan Elektronik seawal tahun 1995. Sedari tahun tersebut, Kerajaan Elektronik di Malaysia telah melalui tiga (3) peringkat evolusi iaitu eGov 1.0 (1995-2007), eGov 2.0 (2007-2015) dan eGov 3.0 (2015-2020). Dalam era eGov 1.0, perkhidmatan Kerajaan Elektronik yang disediakan lebih kepada maklumat dalam talian secara statik. Selanjutnya, era eGov 2.0 telah menyaksikan anjakan perkhidmatan Kerajaan Elektronik kepada lebih bersifat interaktif dan membolehkan pengguna melakukan transaksi secara dalam talian.

Sebagai respons strategik kepada perubahan semasa, era eGov 3.0 atau kini dikenali sebagai Kerajaan Digital, usaha-usaha penawaran perkhidmatan yang lebih inovatif, *end to end*,

bersepadu, mudah diakses dan lebih efisien terus diperkasakan MAMPU. Dalam konteks ini, antara inisiatif bitara yang mempunyai titik sentuhan langsung kepada rakyat telah ditandai dengan:

- Peningkatan keupayaan Gerbang Perkhidmatan Dalam Talian Kerajaan (GOS Gateway) sebagai gerbang tunggal perkhidmatan dalam talian Kerajaan secara *end-to-end* dan berkonsepkan *life-event*;
- Pembangunan Hab Perkongsian Maklumat Kerajaan bagi memudahkan perkongsian data merentasi agensi-agensi Kerajaan;
- Pembangunan Data Raya Sektor Awam (DRSA) untuk memaksimumkan penggunaan data dan membolehkan sesuatu keputusan dibuat berdasarkan analisis data bagi manfaat rakyat;
- Pengukuhan inisiatif Data Terbuka Sektor Awam (DTSA) melalui pelbagai program turun padang dan libat urus secara kolaboratif dengan *Open Data Institute (ODI)* dan Bank Dunia untuk meningkatkan kesediaan, pelaksanaan dan impak data terbuka. Portal DTSA, [www.data.gov.my](http://www.data.gov.my) turut dibangunkan untuk membolehkan rakyat mendapatkan data kerajaan yang boleh dikongsi kepada umum dan menggalakkan pertumbuhan inovasi melalui ciptaan pembangunan aplikasi atau produk baharu;
- Peningkatan keupayaan Pusat Data Sektor Awam ke arah *Secured Government Cloud* yang menawarkan perkhidmatan *ICT-as-a-Service* iaitu *Infrastructure-as-a-Service (IaaS)*, *Platform-as-a-Service (PaaS)* dan *Software-as-a-Service (SaaS)*; dan
- Peluasan Perkhidmatan Rangkaian Bersepadu Kerajaan (iGov\*Net).

### Melestarikan Perkhidmatan Kerajaan Digital

Di dalam rangka kerja *National Key Economic Areas (NKEA)* di bawah *Communication Content and Infrastructure (CCI) Entry Point Projects 6*

(EPP6), pihak Kerajaan telah menetapkan supaya 90% daripada perkhidmatan kerajaan dilaksanakan secara dalam talian. Selaku pelaksana mandat rakyat bagi menjayakan dasar-dasar dan keputusan Kerajaan untuk mencapai matlamat pembangunan negara dan kesejahteraan masyarakat, MAMPU sehingga 31 Mac 2017, telah berjaya menyelaras dan memantau 88.5% perkhidmatan kerajaan dalam talian, melibatkan 11,401 perkhidmatan daripada 12,883 perkhidmatan kerajaan sedia ada. Dilandasi aspirasi dan citra untuk perkhidmatan Kerajaan Digital yang lestari, pihak MAMPU dengan kerjasama rakan-rakan strategik sedang membangunkan Pelan Pendigitalan Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan (4PIK). Pelan antara lainnya menggariskan hala tuju strategik pelaksanaan program pendigitalan penyampaian perkhidmatan Kerajaan yang lebih holistik untuk tempoh sehingga tahun 2020. Pelan ini dipaksikan dengan lima teras strategik pendigitalan, iaitu perkhidmatan digital bersepadu dan selamat, sistem penyampaian perkhidmatan digital berpacuan data, penjenamaan dan promosi perkhidmatan digital peringkat nasional, tadbir urus dan perundangan dan pengukuhan keupayaan dan kapasiti.

### Pendigitalan Kerajaan Teras Transformasi Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan

Kesimpulannya, selain membolehkan rakyat mengakses perkhidmatan Kerajaan setempat secara selamat melalui pelbagai saluran digital, pelaksanaan inisiatif Kerajaan Digital berupaya meningkatkan penglibatan rakyat dalam menambahbaik perkhidmatan sedia ada. Pelaksanaan pendigitalan kerajaan juga bakal mengurangkan karenah birokrasi dan meningkatkan integriti supaya urusan dengan kerajaan dapat dipercepatkan, lebih telus, di samping menjaga kualiti produktiviti yang lebih tinggi serta meningkatkan tahap kepuasan pelanggan dan mengurangkan kos kepada Kerajaan.

Sumber daripada MAMPU

Advertorial "Digital Document Management System (DDMS 2.0): Merubah Persepsi, Mencakna Transformasi" dalam Kosmo! pada 26 Julai 2017.

"Digital Document Management System (DDMS 2.0): Merubah Persepsi, Mencakna Transformasi" Advertorial in Kosmo! 26th July 2017.

KOSMO RABU 26 JULAI 2017
MUKA 5

# Digital Document Management System (DDMS) 2.0: Merubah Persepsi, Mencakna Transformasi

### TANDA ARAS BAHARU PENGURUSAN DOKUMEN

Merdepani cabaran trend-trend mega semasa meruncit perkhidmatan awam menampilkan kecemerlangan tadbir urus dalam segenap aspek pengurusanannya. Tadbir urus yang mantap mempunyai korelasi signifikan dalam mengubah persepsi rakyat terhadap kualiti penyampaian perkhidmatan kerajaan. Salah satu paksi elemen pengukuran tadbir urus yang mantap ialah pengurusan dokumen atau rekod. Rekod ialah aset penting kepada sesebuah organisasi yang menjadi bukti pelaksanaan fungsi dan aktiviti serta sumber utama dalam rujukan keputusan dan memori institusi organisasi. Pengurusan rekod yang cekap menjamin penyaluran maklumat yang tepat dalam masa yang cepat, seterusnya memberi impak positif kepada akauntabiliti dan integriti organisasi.

Sering dengan aspirasi Kerajaan Digital yang menekankan penyampaian perkhidmatan kerajaan yang efisien, pengurusan rekod kerajaan turut menjadi satu daripada agenda transformasi yang dutamakan. Menyedari kepelbagaian jenis rekod kerajaan dalam keunikan format tersendiri dan cabaran memastikan kelestariannya terpelihara, wujud kepekaan supaya satu sistem pengurusan rekod kerajaan secara digital direncanakan.

Mengadaptasi konsep Strategi Lautan Biru Kebangsaan sebagai model pelaksanaan, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan

Perdana Menteri yang berperanan sebagai peneraju ICT sektor awam bersinergi idea dan kepakaran bersama-sama Arikib Negara Malaysia untuk membangunkan sistem pengurusan rekod elektronik kerajaan yang dinamakan Digital Document Management System (DDMS). Projek di bawah lembayung National Key Economics Area (NKEA), Communications, Content and Infrastructure (CCI), Entry Point Project (EPP) 6, eGovernment - Paperless Government ini mula dirintis seawal tahun 2012. Seusai tempoh pembangunan selama dua tahun, tanggal 3 Mac 2014 menjadi titik penting DDMS mula dipraktikkan di MAMPU dan diperluas ke peringkat kementerian dan agensi mulai 2015.

and functional requirements for records in electronic office environments - Part 2: Guidelines and functional requirements for digital records management systems. Nyata sekali DDMS yang dibangunkan adalah setanding dan menepati pawaian antarabangsa.

Elemen penjimatan dari aspek kewangan dan peralatan juga diterapkan melalui penggunaan optimum Pusat Data Sektor Awam di MAMPU yang menjadi storan utama keseluruhan rekod setiap kementerian dan agensi yang mengguna pakai DDMS. Tiada pertambahan peralatan ICT dan storan di setiap agensi diperlukan melalui pelaksanaan DDMS. Istemewanya juga, DDMS membolehkan semua rekod kerajaan pelbagai format ditawan dan diakses melalui internet, di mana sahaja 24 jam sehari.

### MEMAKNAI PERUBAHAN

Akta dan peraturan pengurusan rekod kerajaan, iaitu Akta Arikib Negara 2003 (Akta 629) dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2007, Panduan Pengurusan Pejabat (Bab VI, VII dan VIII) dijadikan asas pembangunan sistem ini yang mengkehendaki seluruh kitaran hayat rekod bermula daripada pewujudan, penggunaan dan penyenggaraan serta pelupusan terangkum dalam satu sistem yang holistik. Induktif setera di peringkat antarabangsa juga turut diberikan penekanan, DDMS turut mematuhi kriteria pengurusan rekod elektronik sepertimana yang ditetapkan MS ISO 16175-2:2012 *Information and Documentation - Principles*

### MEMPERLUAS HORIZON, MELESTARI KEJAYAAN

Seiring dengan ekspektasi dan gelombang pengguna yang meningkat, DDMS2.0 iaitu versi baharu mula diperkenalkan pada 1 September 2016. DDMS2.0 kini digunakan merentasi semua kementerian dan 20 agensi melibatkan lebih 20,000 orang pengguna. Sehingga Jun 2017, lebih 1.8 juta rekod kerajaan disimpan dan tersedia untuk diakses di dalam DDMS2.0.

Ciri-ciri keselamatan yang dipertingkatkan selain boleh diakses melalui peranti pintar merupakan nilai tambah kepada DDMS2.0.

Ciri-ciri asas seperti akses ke atas fail, membuat carian, meminatkan arahan, memajukan dokumen kepada pegawai bertanggungjawab, menyemak status tindakan dan memuat turun kandungan turut diperkemas melalui naik taraf sistem ke DDMS2.0. Selain daripada itu, kesemua tindakan pengguna juga akan direkodkan melalui jejak audit yang lengkap, kepada setiap pengguna dan ke atas setiap rekod. Ini membolehkan elemen pemantauan dilaksanakan sekali gus dapat mengedkakan kebocoran rahsia kerajaan.

Bagi menyokong pelaksanaan dan memastikan pengurusan perubahan penggunaan DDMS2.0 berjalan lancar, taklimat, seminar dan kursus berjadual sentiasa diadakan oleh MAMPU. Soal selidik dalam talian berkenaan penggunaan DDMS2.0 kepada semua pengguna juga turut diadakan setiap enam bulan. Ini bagi memastikan setiap maklum balas pengguna yang diperolehi akan dijadikan asas penambahbaikan DDMS2.0 dari semasa ke semasa.

Secara keseluruhannya, DDMS2.0 mewakili agenda transformasi kerajaan supaya pengurusan rekod kerajaan sentiasa berada dalam keadaan tersedia dan efisien. DDMS2.0 turut menawarkan solusi tersedia kepada isu-isu pengurusan rekod kerajaan sekali gus berperanan sebagai indikator membuktikan keseriusan kerajaan untuk mengubah persepsi betapa pentingnya rekod kepada akauntabiliti dan integriti perjawatan awam.

**TRANSFORMASI PENGURUSAN REKOD KERAJAAN**

DDMS 2.0

AKTA ARIKIB NEKARA 2003 (AKTA 629) | PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 5 TAHUN 2007 | MS ISO 16175 | BERPIKAT (PERSATU) SEKTOR AWAM | CAPAIAN 21x7 | CAPAIAN 24x7 | PELBAGAI JEJAS REKOD DAN FOMAT

**FAEDAH DDMS 2.0**

- KAWAL KE AZAS KANDUNGAN, STRUKTUR DAN KONTEN REKOD: Tindakan pemantauan boleh dibuat oleh pengguna ke atas rekod dan jejak audit yang lengkap.
- CEPAT: Rekod dapat diakses dengan cepat.
- KETERBUKAAN PERSIDUKAAN: Setiap rekod dapat diimbas dengan lebih telus dan terbuka.
- MENCUKU INIITIATIF SEKTOR AWAM TERPELIHARA: Setiap rekod yang memaparkan keputusan, arahan dan program-program keagamaan dibuktikan sebagai memori institusi organisasi.
- PERSONELAN MAMPU DAN PUSAT SUMBER SEKTOR AWAM: Rekod boleh dibagikan bersama dan dibuat teras dengan mudah.
- MENDUKUNG INIATIIF ICT BAHARU KERAJAAN: Pengiraan berkesan.

Advertorial "MalaysiaBiz Portal Boosts Business" dalam New Straits Times pada 9 Ogos 2017.  
 "MalaysiaBiz Portal Boosts Business Advertorial" in the New Straits Times on 9th August 2017.

ECONOMIC GROWTH

# MalaysiaBiz Portal boosts business

NST 09/08/2017 (5)

It fulfils aspirations of the business community by providing information on registration and licensing

**T**HE ever prevalence of globalisation has caused great uncertainties to the development of the international economic landscape.

Many countries, including Malaysia, have been striving to consolidate their micro- and macro-economic strategies in sustaining the country's economic growth.

